


Jilid II
Bil. 28



Hari Jumaat
23hb Julai, 1976

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3077]

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (Hari Kelima) [Ruangan 3103]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3160]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Kewarganegaraan—Kelambatan Memproses Permohonan-permohonan
[Ruangan 3161]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan, Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat** Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K., (Kota Star).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelevu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan**
Perkampungan, **TUAN MOHAMED ZAHARI BIN AWANG** (Kuala Krai).
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,**
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK**
UREN (Bau-Lundu).
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI**
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN**
(Baram).
- „ **Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,**
D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.** (Pengkalan Chepa).
- „ **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M.** (Padang Rengas).
- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Alor Gajah).
- „ **TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.** (Batu Pahat).
- „ **TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN** (Kemaman).
- „ **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S.,**
S.I.M.P. (Payang).
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K.** (Ulu Padas).
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS** (Dungun).
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N.** (Kapit).
- „ **TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD** (Hilir Perak).
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN** (Jasin).
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K.** (Kinabatangan).
- „ **TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR** (Padang Terap).
- „ **TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K.** (Labuk-Sugut).
- „ **TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD** (Permatang Pauh).
- „ **TUAN AU HOW CHEONG** (Telok Anson).
- „ **TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.**
(Kulim-Bandar Bahru).
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM** (Batang Padang).
- „ **TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K.** (Tuaran).
- „ **DR CHEN MAN HIN** (Seremban).
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI** (Batu Gajah).
- „ **TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG** (Sarikei).
- „ **TUAN CHIN HON NGIAN** (Renggam).
- „ **PUAN CHOW POH KHENG** (Selayang).
- „ **TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI** (Serian).
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S.** (Batang Lupar).
- „ **TUAN EMBONG BIN YAHAYA, A.M.N.** (Ledang).
- „ **TUAN STEPHEN ROBERT EVANS** (Keningau).
- „ **TUAN FAN YEW TENG** (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, (O.K.I.S.) (Pekan).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPHIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHAMED SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHAMED TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 23hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MAYAT PESAKIT-PESAKIT DI
HOSPITAL

1. **Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan akan membenarkan mayat pesakit-pesakit yang meninggal dunia kerana sebab-sebab biasa di hospital di mana ada warisnya mengadap dibawa balik terus ke rumah dan tidak dibawa ke rumah mayat untuk diperiksa.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, biasanya mayat pesakit-pesakit yang meninggal dunia kerana sebab-sebab biasa dan yang mana doktor telah dapat menentukan sebab kematiannya adalah dibenarkan dibawa balik terus ke rumah dan tidak dibawa ke rumah mayat untuk diperiksa. Syarat-syaratnya hendaklah waris-waris yang ada itu dapat menguruskan supaya mayat itu dibawa balik dengan segera. Ini adalah perlu untuk mengelakkan timbulnya rungutan-rungutan pesakit lain yang ada di dalam wad.

BADAN-BADAN BERKANUN
KERAJAAN

2. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa sebahagian Badan-badan Berkanun Kerajaan sebagai agen-agen pembangunan

sektor awam belum mempunyai "Corporate Plan" yang lengkap dan teratur bagi dijadikan garis panduan yang sesuai untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Jika sedar, apakah langkah-langkah dan persediaan yang diambil dan akan diambil untuk membolehkan Badan-badan itu mengadakan "Corporate Plan" masing-masing.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, bukanlah semua Badan-badan Berkanun Kerajaan yang ada diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Awam. Oleh itu, saya akan menyenutuh badan-badan berkanun yang terletak di bawah Kementerian ini sahaja.

Bagi badan-badan berkanun di bawah Kementerian ini, rancangan dan projek pembangunan adalah dirancang dengan teratur dan mempunyai dasar-dasar objektif, target dan strategi. "Corporate Plan" ini adalah garis panduan bagi mencapai maklumat-maklumat yang telah dipertanggungjawabkan kepada perbadanan tersebut.

PENYELUK SAKU (PICK POCKETS)

3. **Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar akan penyeluk-penyeluk saku (pick pockets) yang sentiasa melakukan perbuatan tersebut dengan sewenang-wenangnya, terutama sekali di perhentian-perhentian bas dan di tempat-tempat keramaian dan apakah langkah-langkah positif yang telah dan sedang dijalankan untuk menghapuskan anasir-anasir jahat itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar penjenayah penyeluk saku (pick pockets) yang selalu berlaku di perhentian-perhentian bas

dan di tempat-tempat keramaian. Bagi mencegahnya Polis menghantar anggota-anggota preman di kawasan-kawasan di mana kejadian itu kerap berlaku. Kadang-kadang diadakan ambush di tempat-tempat yang selalu berlaku itu. Dalam soalan pick pockets ini orang ramai pun kenalah bekerja-sama, misalnya, kaum wanita keluar ke bandar-bandar, pekan-pekan atau naik bas janganlah memakai intan-berlian, perhiasan badan kerana ini mungkin menjadi penarik kepada pick pocket-pick pocket itu.

PENUMPANG BAS EKSPRES

4. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa penumpang-penumpang Bas Ekspres MARA dan lain-lain bas ekspres yang beragama Islam mendapati sukar hendak menunaikan fardzu sembahyang kerana pengusaha-pengusaha bas ini tidak menyediakan kemudahan ugama, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan hal ini kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk meminta kerjasama mereka.

PIALA THOMAS

5. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada beliau sedar kebolehan pasukan badminton Piala Thomas negara ini telah mengharumkan nama Malaysia dengan menunjukkan permainannya yang cemerlang hingga tercapainya sebagai Naib Johan Piala Thomas tahun 1976, jika sedar:

- (a) apakah hadiah Kerajaan kepada Ahli-ahli tersebut; dan
- (b) apakah rancangan beliau supaya Piala Thomas dapat direbut kembali pada tahun 1979.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar,

- (a) Kerajaan ada jentera yang memberi pengiktirafan kepada mereka yang

telah memberi sumbangan kepada sukan dan juga menimbangkan mereka untuk diberi hadiah yang sesuai. Penubuhan Jentera ini ialah dengan kepercayaan yang penuh bahawa pertimbangan patut diberi pada keseluruhannya dan tidak secara "ad hoc". Penganugerahan pingat-pingat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah suatu daripada hadiah-hadiah yang dijalankan.

Juga dari segi kebajikan peserta-peserta sukan, Kementerian ini juga telah menubuhkan suatu Jawatankuasa untuk mengkaji keperluan kebajikan peserta-peserta sukan dengan sepenuhnya dan laporan penuh diharapkan akan siap tidak berapa lama lagi. Jadi dari segi hadiah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu perkara ini adalah di dalam pertimbangan,

- (b) Perbincangan telah dibuat dengan Persatuan Badminton Malaysia dan streteji kami ialah memberi latihan sepenuh kepada pemain-pemain Kebangsaan yang ada dan juga mencungkil bakat-bakat pemain-pemain yang baru dari belia-belia dan di peringkat bangku sekolah yang ada "potential". Latihan-latihan yang akan diberi ialah untuk jangka pendek dan jangka panjang dan sepanjang tahun. Sebagai contoh, Jurulatih-jurulatih Badminton telah ditempatkan di beberapa buah sekolah di mana latihan dapat diberi di hujung minggu dan juga 2 kali seminggu. Kementerian ini telah juga mengambil peluang tentang persiapan Sukan SEAP untuk memberi latihan yang lebih intensif kepada Pasukan Badminton kita mulai sekarang hingga pertengahan atau hujung tahun hadapan.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ahli-ahli Pasukan Thomas Cup kita yang mewakili negara kita ke Pertandingan Antarabangsa tidak mencorakkan kedudukan kaum di negara ini? Jika sedar, apakah tindakan Kementerian ini supaya wakil-wakil kita dalam Pasukan Thomas Cup ini dapat mencorakkan keturunan kaum di negara ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia tidak pandai main, macam mana hendak dibawa? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Masaalah ini tentulah barangkali Ahli Yang Berhormat itu sendiri faham, dalam masaalah yang kita hadapi ini saya fikir tentulah tidak betul jika dikatakan bahawa wakil-wakil kita yang kita pilih dalam pertandingan itu tidak merupakan corak atau identiti rakyat Malaysia ini. Tetapi, walau bagaimanapun, oleh kerana sukan adalah bergantung kepada kemampuan ahli sukan itu sendiri, maka pemilihan tentulah diberi kepada yang lebih baik.

BANJIR DAN MENCEGAH KEBAKARAN

6. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) samada suatu kajian kemungkinan dapat dibuat berkenaan dengan sistem parit-parit air di Alor Star bagi mengelakkan banjir di dalam Bandar yang sentiasa berlaku pada musim hujan oleh sebab keadaan parit yang buruk sekarang ini, dan sekiranya setelah menelitinya, samada tindakan dapat diambil bagi memperbaiki keadaan ini; dan
- (b) samada langkah-langkah sedang diambil atau tidak untuk menyemak semula Undang-undang Kecil Tempatan yang telah lapuk berkenaan dengan bangunan-bangunan yang tinggi bagi mengelakkan bahaya api berlaku kepada bangunan-bangunan seumpama ini, dan samada langkah-langkah telahpun diambil untuk menghantarkan ahli-ahli bomba kita supaya mendapat latihan melawan bahaya api seperti yang tersebut itu dan juga samada Kerajaan kita telah membeli alat-alat yang perlu bagi melawan dan memadam malapetaka api yang amat merbahaya itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kajian kemungkinan (feasibility study) berkenaan sistem pamaritan di Alor Star dapat dibuat dan soal mengambil

tindakan untuk memperbaiki keadaan banjir setelah meneliti kajian kemungkinan itu adalah tergantung kepada kedudukan kewangan penguasa tempatan yang berkenaan.

- (b) Bandaraya Kuala Lumpur telahpun mengadakan undang-undang kecilnya berkenaan dengan mencegah kebakaran di bangunan-bangunan yang tinggi. Kerajaan-kerajaan Negeri sekarang sedang membuat persediaan untuk mengadakan undang-undang kecil berasaskan kepada undang-undang kecil Bandaraya Kuala Lumpur untuk dipakaikan kepada semua penguasa-penguasa tempatan dalam negeri masing-masing.

Undang-undang kecil mencegah kebakaran yang dipakai oleh Kerajaan sekarang ini adalah yang terbaharu dan meliputi bangunan-bangunan yang tinggi. Selain daripada itu, Kementerian saya sedang:

- (i) Dalam proses menyediakan Akta Pencegahan Kebakaran, yang mana akan menentukan peraturan-peraturan tertentu bagi mencegah dan mengawal kebakaran-kebakaran jika ianya berlaku.
- (ii) Di samping itu, Undang-undang Kecil Bangunan, di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, sedang disediakan. Undang-undang Kecil itu akan memastikan bahawa peraturan-peraturan tertentu termasuk keperluan pencegah kebakaran akan dipatuhi dalam kerja-kerja pembinaan bangunan-bangunan di seluruh negara apabila Undang-undang Kecil Bangunan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dapat dikuatkuasakan nanti.

Ahli-ahli Bomba sememangnya telah dilatih untuk mencegah atau memadamkan kebakaran yang melibatkan juga bangunan-bangunan yang tinggi. Alat-alat pemadam api yang besar dan melibatkan bangunan-bangunan tinggi telah dibeli bagi Pasukan Bomba di bandar-bandar yang besar di mana terdapat bangunan-bangunan yang tinggi dan Kerajaan akan menimbangkan pembelian alat-alat bomba yang perlu untuk bandar-bandar yang lain.

PUNGUTAN TOL SLIM RIVER

7. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) jumlah wang yang telah dipungut di Tol Slim River sejak didirikan hingga setakat 31-5-1976;
- (b) adakah jumlah tersebut telah melebihi jumlah wang yang dibelanjakan untuk membina jalanraya Tanjong Malim/Slim River;
- (c) tarikh yang dijangkakan bagi menghentikan pungutan di Tol tersebut; dan
- (d) samada Kerajaan akan menyerapkan pekerja-pekerja di Tol tersebut ke perkhidmatan tetap apabila Tol tersebut ditutup kelak.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah wang yang telah dikutip di Tol Slim River sehingga 31hb Mei, 1976 adalah sebanyak \$12,294,051.63.
- (b) Ya.
- (c) Kerajaan belum bercadang untuk memberhentikan pungutan di Tol tersebut.
- (d) Oleh kerana belum ada cadangan untuk memberhentikan pungutan Tol tersebut maka soal penyerapan kakitangan ke perkhidmatan tetap tidak timbul sekarang. Walau bagaimanapun, langkah seterusnya akan diambil jika keadaan memerlukan.

PENUNTUT-PENUNTUT M.C.E./S.P.M.

8. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa sungguhpun terdapat ramai penuntut-penuntut yang berkelulusan baik dalam peperiksaan M.C.E./S.P.M. telah dinaikkan ke tingkatan enam tetapi terdapat juga ramai penuntut-penuntut lain yang berkelulusan lebih baik yang tidak diberi peluang yang sama, dan jika ya, mengapa.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, pemilihan murid-murid ke kelas Tingkatan VI adalah berdasarkan kepada mutu pencapaian mereka dalam Peperiksaan M.C.E./S.P.M., iaitu

mengikut pangkat sijil yang diperolehi mereka serta aggregate unit yang dicapai dalam beberapa matapelajaran yang berkenaan. Pemilihan ini adalah mengikut merit kecapaian di peringkat kebangsaan dan diproseskan oleh komputer.

Bagaimanapun, syarat-syarat pemilihan telah dilonggarkan sedikit bagi murid-murid bumiputra terutamanya bagi jurusan sains sebagai satu langkah untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara bumiputra dan bukan bumiputra dalam bidang pengajian tinggi. Mungkin juga apa yang dimaksudkan dalam soalan tersebut ialah adanya murid-murid bukan bumiputra yang lebih baik kelulusannya daripada murid-murid bumiputra tetapi tidak terpilih ke Tingkatan VI yang mana penerangan saya yang terakhir ini adalah berkenaan.

BANK-BANK PERDAGANGAN

9. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kewangan memberi butir-butir kepada yang berikut, berkaitan dengan bank-bank perdagangan dalam negeri ini:

- (a) bilangan Bank-bank yang telah diambil tindakan terhadapnya kerana melanggar Akta Bank Negara;
- (b) bilangan yang telah didenda dan jumlah denda yang telah dipungut; dan
- (c) bilangan pengarah yang telah didenda dan jumlah denda yang telah dipungut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan ini kepada Yang Berhormat dari Hilir Perak melalui jawapan bertulis pada 10hb April, tahun ini dan saya tidak ada apa-apa yang hendak ditambah kepada jawapan tersebut, kerana keadaan-keadaan yang berkenaan sehingga itu tidak berubah.

PERLANCUNGAN ANTARA NEGARA ASEAN

10. Datuk Peter Lo Su Yin (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian:

- (a) dalam menggalakkan pelancungan antara Negara ASEAN, samada beliau bercadang mengadakan penerbangan tambang murah di antara negara-negara ASEAN, jika tidak, apakah

langkah-langkah lain untuk membanyakkan lawatan antara negara-negara ASEAN; dan

- (b) apakah kemudahan-kemudahan yang dinekmati oleh rakyat sesebuah negara ASEAN yang melawat negara ASEAN yang lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semua syarikat-syarikat penerbangan negeri-negeri ASEAN, di atas perakuan Jawatankuasa Tetap ASEAN mengenai Pelancungan telah mengadakan tambang murah demi menggalakkan pengembaraan antara wilayah sejak tahun 1972 dahulu. Rancangan ini dikenali sebagai "the ASEAN Circle Trip Fare" (Tambang Mengembara Negara-negara ASEAN), dan sekarang ini dijual oleh syarikat-syarikat penerbangan negara ASEAN dengan tambang sebanyak \$1,205. Melalui rancangan ini, seseorang warganegara dari negara ASEAN boleh melawat 5 buah ibu negeri ASEAN dalam tempoh masa yang tidak kurang dari 10 hari dan tidak lebih dari 30 hari. Tambang biasa bagi perjalanan yang meliputi kelima-kelima buah ibu negeri ASEAN ialah sebanyak \$1,758.

Selain dari rancangan ini adalah juga diketahui bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN secara bersendirian mengaturkan lawatan berkumpulan atau "package tours" dengan mengenakan harga tambang yang lebih murah dari harga tambang biasa. Sebagai contoh, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah mengadakan suatu lawatan berkumpulan (package tour) daripada Kuala Lumpur ke Manila dan balik ke Kuala Lumpur dengan mengenakan bayaran sebanyak \$859 bagi seorang. Harga tambang biasa bagi perjalanan seperti tersebut adalah lebih kurang \$1,026.

- (b) Di atas perakuan Jawatankuasa Tetap ASEAN mengenai Pelancungan, negeri-negeri ASEAN telah meluluskan dan melaksanakan kemudahan lawatan tanpa visa bagi tempoh 7 hari kepada warganegara-warganegara negara-negara

ASEAN yang melancung di negara-negara ASEAN yang lain. Untuk menggalakkan lawatan berkumpulan dan lawatan charter di antara negara-negara ASEAN, suatu peraturan yang digelar "common collective travel document in lieu of passport" atau "dokumen perjalanan bersama selain dari paspot" telah diamalkan. Dokumen perjalanan bersama ini akan diberikan dan diiktirafkan kepada kumpulan pelawat yang berjumlah tidak kurang dari 5 orang dan tidak lebih dari 20 orang yang melancung secara rombongan ke negara-negara ASEAN.

PEMBUANGAN SAMPAH

11. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar pembuangan sampah-sarap oleh pihak Dewan Bandaraya di beberapa tempat di Wilayah Persekutuan adalah masih tidak memuaskan dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang atau telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan pembuangan sampah-sarap di seluruh Wilayah Persekutuan.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ada sedar, pembuangan sampah oleh pihak Dewan Bandaraya adalah pada umumnya memuaskan mungkin ada satu-satu kes ataupun sungutan yang mana tindakan yang cepat diambil untuk mengatasi perkara ini. Untuk memperbaiki lagi masalah ini, Dewan Bandaraya ada menyediakan Pasukan Pembersih Sampah-sarap (Anti-Litter Squads) yang bertugas setiap hari di kawasan bandaraya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen samada ia sedar bahawa salah satu sebab yang menyebabkan perasaan tidak puas hati tentang pembuangan sampah-sarap ialah kerana kekurangan kakitangan Dewan Bandaraya dan jika ia sedar, samada Dewan Bandaraya bercadang untuk menambah kakitangan untuk membuang sampah itu.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, kita ada bercadang di Rancangan Malaysia Ketiga untuk menambah kakitangan-kakitangan Dewan Bandaraya.

STESYEN BOMBA DI DAERAH-DAERAH

12. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Kementerian beliau berniat mendirikan sebuah stesyen bomba di Tanjong Tualang, Perak bagi faedah penduduk-penduduk Tanjong Tualang, Sungai Durian dan Kampung Timah oleh kerana stesyen bomba yang berhampiran sekali ialah di Batu Gajah yang letaknya 12 batu dari Tanjong Tualang.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sekarang sememangnya berniat untuk mendirikan stesyen-stesyen bomba di daerah-daerah yang memerlukan-nya. Dalam perkara ini kajian yang mendalam di atas keperluan-keperluan stesyen-stesyen bomba sedang dikaji oleh Kementerian saya bagi tahun-tahun yang akan datang di mana Kerajaan akan mendirikan menurut keadaan yang mustahak.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan sedar bahawa ada dua tempat di sebelah Hilir Perak telahpun ditender semenjak tahun 1974 untuk membangunkan Balai Bomba yang berkenaan? Tetapi hingga sekarang tidak ada kelihatan apa-apa lagi.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar di atas perkara itu dan saya harap Ahli Yang Berhormat boleh menulis surat kepada saya, dan saya akan menyiasatnya.

JALANRAYA DI LAWAS, LONG SEMADOH DAN BA' KELALAN

13. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah jalanraya-jalanraya yang menghubungi pekan Lawas, Long Semadoh dan Ba' Kelalan akan dibina sepertimana Jalanraya Miri-Bintulu untuk menyenangkan orang-orang ulu yang terpaksa berjalan kaki melalui dataran yang sukar untuk membawa hasil-hasil dari rancangan-rancangan kelapa sawit di sekitar kawasan lain-lain ke Lawas yang mana biasanya mengambil masa lebih daripada seminggu oleh kerana mereka tersangat miskin dan tidak mampu menggunakan pengangkutan udara.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membina jalanraya-jalanraya dari satu ke satu kawasan yang difikirkan perlu dari segi sosial dan ekonomi penduduk-penduduk. Walau bagaimanapun, disebabkan peruntukan bagi satu-satu masa adalah terhad maka pembinaan jalan-jalan ini dilaksanakan mengikut keutamaan masing-masing. Berkenaan dengan jalan yang menghubungkan Lawas dengan Long Semadoh dan Ba' Kelalan itu di Sarawak setakat ini belum ada cadangan bagi membina jalan tersebut oleh sebab pembinaannya pada masa sekarang adalah sukar sekali oleh kerana terpaksa merentasi lereng-lereng gunung. Oleh sebab kedudukan kampung-kampung tersebut di kawasan pergunungan, maka pembinaan jalan yang menghubungkan kedua-dua kampung tersebut akan bergantung kepada jalan menghubungkan Lawas dan Limbang yang dicadangkan pembinaannya dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

KUASA LUAR MENGGUNAKAN DAKWAH ISLAM

14. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar bahawa ada kuasa luar yang menggunakan pertubuhan-pertubuhan Dakwah Islam untuk menyebabkan propaganda palsu dengan tujuan menimbulkan kekeliruan di kalangan orang ramai dan akhirnya menghasut mereka ke dalam kegiatan kominis.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada bukti yang nyata bahawa kuasa-kuasa luar menggunakan pertubuhan-pertubuhan Dakwah Islam untuk menyebarkan propaganda-propaganda kominis di Malaysia.

BARANG-BARANG DAGANG DENGAN CHINA

15. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa semenjak perhubungan diplomatik dan perdagangan diadakan di antara Malaysia dengan Negeri China:

- (a) jumlah harga barang-barang dagangan dari Negeri China yang telah diimport ke negara ini dan apakah jenis barang-barang dagangan itu;

- (b) jumlah harga barang-barang dagangan dari negeri kita yang telah dihantar ke negeri China dan apakah jenis barang-barang dagangan itu; dan
- (c) selain dari PERNAS, adakah badan-badan perniagaan lain yang mengendalikan kemasukan barang-barang dagangan dari Negeri China itu.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi (a) dan (b) ialah: jumlah harga barang-barang yang diimport oleh Malaysia dari Negara China semenjak tahun 1973 hingga tahun 1975 ialah \$1,214.45 juta dan jumlah harga barang-barang yang diekspot ke Negara China dalam tempoh masa yang sama ialah \$538.37 juta. Berkenaan dengan maklumat-maklumat berhubung dengan jenis barang-barang yang didagangkan di antara negara-negara ini; oleh kerana senarainya terlampau panjang, jadi saya cadangkan kepada Yang Berhormat supaya dapat merujuk kepada buku Perangkaan Tahunan Perdagangan Luar Negeri Malaysia yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan.

(c) Selain daripada PERNAS, pedagang-pedagang tradisional yang memegang ajensi dari pihak Republik Rakyat China dan beberapa perniagaan bumiputra juga mengimport barang-barang dari Republik Rakyat China. Pada ketika ini lebih daripada 90% import dari Republik Rakyat China ke Malaysia adalah dikendalikan oleh pedagang-pedagang swasta, tetapi permohonan untuk mendapatkan lesen import di salurkan melalui PERNAS.

Tan Sri Syed Jaafar Albar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dari kenyataan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi bahawa nampaknya trade balance di antara kita dengan Negara China adalah di pihak China sahaja. Jadi, apa yang saya ingin hendak mengetahui apakah tindakan atau langkah-langkah yang Kerajaan bercadang hendak ambil untuk mengseimbangkan import dan eksport antara kita dengan Negara China.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui dari segi imbalan perdagangan di antara negeri kita dengan Negara China itu kita menghadapi deficit. Tetapi keadaan yang berlaku sekarang sebenarnya barang-barang keperluan yang kita mahu daripada Negara China itu lebih

banyak daripada Negara China, kecuali barang-barang seperti getah dan kayu-kayan. Dalam hal ini sebenarnya Kerajaan telah mengambil tindakan untuk membanyakkan lagi eksport-eksport, terutamanya getah ke negara China.

BALAK DIJUAL KE TIMUR TENGAH

16. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah apa-apa perundingan rasmi telah dibuat oleh Kerajaan mengenai penjualan balak di Malaysia ke negara-negara Timur Tengah dan nyatakan samada Kerajaan telah menentukan bahawa syarikat-syarikat bumiputra mendapat tempat yang sepatutnya di dalam perniagaan itu.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia di bawah Kementerian saya sedang berusaha untuk menggalakkan eksport kayu-kayu keluar negeri termasuk negara-negara Timur Tengah. Beberapa rundingan rasmi sedang dibuat oleh Lembaga dengan badan-badan Kerajaan di Negara-negara Arab di Asia Barat di mana segala import dagangan termasuk kayu-kayan adalah hak Kerajaan dan disalurkan melalui badan-badan Kerajaan tertentu.

Pada bulan April tahun ini pihak Lembaga telah mengadakan rundingan rasmi dengan Kementerian Perumahan dan Pembinaan di Negara Mesir di Kaherah untuk membekalkan cara jangka panjang sebahagian daripada keperluan bahan-bahan kayu-kayan oleh Kementerian tersebut. Lembaga juga telah menjemput Jawatankuasa Tender dalam Kementerian tersebut dari Negara Mesir itu untuk melawat Malaysia dan mengadakan rundingan selanjutnya atas perkara tersebut.

Di Negara Iraq juga, Lembaga sedang berunding dengan badan pembelian kayu-kayan rasmi di negara tersebut untuk mengadakan satu perjanjian jangka panjang bagi membekalkan kayu gergaji, papan lapis dan kayu landasan keretapi. Lembaga ini telah pun memainkan peranan yang lebih positif dan cergas lagi dalam penyertaan tender di beberapa negara-negara Asia Barat untuk membekalkan kayu-kayan khasnya kayu landasan keretapi. Penyertaan Lembaga

dalam bidang ini adalah dengan cara menyatukan hasil pengeluaran pengusaha-pengusaha kayu-kayan yang menjalankan perusahaan-perusahaan mereka secara kecil supaya mereka dapat menyertai dalam tender berkenaan di bawah naungan dan pimpinan Lembaga sebagai satu usaha sama.

Penyertaan satu-satu pembekal itu adalah mengikut kesanggupan mereka masing-masing dan keutamaan adalah diberi kepada syarikat-syarikat bumiputra yang sekarang mengusahakan kilang-kilang papan sendiri. Penyertaan Lembaga dalam tender ini adalah terutamanya untuk mewakili kepentingan pengusaha-pengusaha bumiputra yang mana mungkin tidak sanggup menyertai secara berseorangan dalam tender berkenaan yang bernilai berjuta-juta ringgit.

Usaha-usaha sedang dibuat juga oleh Lembaga untuk menubuhkan satu syarikat usaha sama dengan kilang-kilang papan bumiputra. Dan tujuan menyatukan pengkilang-pengkilang bumiputra yang sedang menjalankan perusahaan mereka secara kecil dan memberi segala bantuan dan bimbingan untuk memperbaiki kedudukan mereka.

Keutamaan akan diberi kepada perintis-perintis bumiputra yang sekarang telahpun terlibat di dalam perkilangan kayu gergaji melalui badan pemasaran tersebut yang mana badan itu akan menyelenggarakan segala urusan perbekalan dan eksport-eksport untuk perkhidmatan bersama. Badan tersebut akan juga membekalkan syarikat pengeksport bumiputra yang sekiranya menghadapi kemusykilan mendapatkan perbekalan kayu gergaji bagi menampung pesanan-pesanan yang mereka dapati daripada luar negeri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang benar jawapan ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan yang panjang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, saya rasa hal ini telah banyak kita tahu. Sungguhpun begitu saya hendak tambah lagi sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tambah keterangan atau soalan tambahan?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat

Setiausaha Parlimen sedar bahawa banyak syarikat-syarikat bumiputra yang hendak melibatkan diri dalam bidang eksport kayu tidak dapat menunaikan hasrat ini dengan sebab sebahagian besar daripada mereka tidak mempunyai kilang papan, kalau adapun hanya pada nama sahaja? Adakah Yang Berhormat berfikir dalam hal ini untuk melibatkan diri bumiputra dengan secara aktif dalam bidang yang tersebut dengan mengumpulkan pemodal bumiputra untuk menjalankan perusahaan-perusahaan eksport?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan tambahan ini terkeluar daripada soalan asal.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sungguhpun soalan keluar daripada soalan asal tetapi ada kena-mengena dengan jawapan.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan tadi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia ini sedang mewujudkan satu syarikat usahasama dengan kilang-kilang papan bumiputra. Berkenaan dengan modalnya saya yakin Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia ini mesti memberi apa-apa bantuan ataupun apa-apa perkhidmatan supaya pengilang-pengilang papan bumiputra ini ada kemampuan modal dan sebagainya untuk menjalankan usahasama ini.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Berkaitan dengan eksport kayu balak keluar negeri, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar imej kayu balak Malaysia telah rosak dengan sebab adanya syarikat yang membekalkan kayu keluar negeri dengan mutu yang rendah tidak mengikut perjanjian dengan negeri-negeri yang dieksportkan kayu itu terutama negeri Arab, Jepun dan sebagainya menyebabkan mutu kayu kita rosak dan apakah tindakan diambil kalau sekiranya perkara seumpama ini telah berlaku?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar ada sebahagian kecil daripada pedagang-pedagang kilang papan ataupun papan gergaji yang mengeksportkan kayu ke negara Asia Barat tidak mematuhi syarat-syarat kontrek, khasnya bukan sahaja mutu tetapi ada setengahnya langsung tidak

mengikut syarat dan sebahagiannya pula apabila telah menjual papan-papan itu langsung tidak menghantarnya. Jadi perkara seperti ini telah membawa imej yang tidak baik bagi pengeksport di negara kita khususnya di negara-negara Asia Barat. Baharu-baharu ini pula telah berlaku kejadian yang sama di negara Kuwait dan Bahrain, dan kita telah menghantar satu rombongan untuk menemui pengeksport-pengeksport di sana untuk memberi penjelasan atas tindakan yang telah diambil terhadap pengeksport-pengeksport di sini, dan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara itu sekarang dalam perbicaraan kerana ini adalah satu civil case. Untuk mengelakkan perbuatan ini sekarang Lembaga Perindustrian Kayu telah mengetatkan lagi syarat-syarat eksport seperti kontrek dan juga semua pengeksport kayu khususnya kayu gergaji dan kayu papan lapis mestilah mengikut syarat-syarat yang tertentu yang dibuat oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa keadaan sekarang di mana kaum bumiputra ada maju sedikit dalam bidang permodalan, tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa sesungguhnya kilang-kilang papan yang diluluskan pada masa 5 tahun yang lalu sebahagian besarnya dipegang oleh bukan bumiputra? Keadaan sekarang lesen-lesen kilang papan dibekukan oleh pihak Kementerian dan jabatan yang berkenaan. Adakah, ada cadangan untuk membuka semula penubuhan kilang papan kepada bumiputra? Tidakkah Yang Berhormat bercadang dan berfikir bahawa mengeluarkan lesen baharu kepada bumiputra ataupun badan yang mengendalikan bumiputra untuk menjalankan kerja ini adalah lebih baik sekarang untuk menunaikan kehendak yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu bagi melibatkan bumiputra dalam bidang eksport kayu?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk mengeluarkan lesen kilang papan ini tertakluk kepada Kerajaan Negeri dan Kementerian saya cuma boleh buat dasar sahaja, dan memanglah Kementerian saya sedar kebanyakan kilang papan baharu yang dijalankan oleh kaum bumiputra ini tidak cukup modal. Saya tahu bahawa Majlis Perhutanan Negara akan membuat

satu dasar di mana lebih peluang diberikan kepada kaum bumiputra untuk mengambil bahagian yang lebih lagi dalam perindustrian kayu-kayan dan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu bolehlah kita mengemukakan kepada Majlis Perhutanan Negara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nam-paknya banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bertanya.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa oleh kerana kesatuan pengilang-pengilang atau pengusaha-pengusaha kayu yang bukan bumiputra terlampau kuat, ini menyebabkan menyekat peluang pengusaha-pengusaha kayu bumiputra? Kalau sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk hendak membetulkan keadaan ini?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan tambahan ini sama sahaja dengan soalan yang telah dijawab. Seperti saya katakan tadi apa-apa tindakan yang dibuat mestilah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang mana kita menggalakkan kaum bumiputra mengambil bahagian lebih giat lagi dalam perindustrian kayu-kayan.

Tuan Embong bin Yahya: Saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen belum menjawab soalan saya yang kedua iaitu kalau ada pengusaha-pengusaha kayu yang semacam itu apakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka samada digantungkan lesennya ataupun dibuat sebarang hukuman yang lain dan saya suka hendak menambahkan sedikit

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu sudah dijawab tadi, ada satu kes yang sedang dalam perbicaraan. Ini soalan tambahan apa lagi?

Tuan Embong bin Yahya: Adakah pegawai daripada Kementerian Perusahaan Utama memeriksa supaya tiap-tiap kayu atau papan yang dieksportkan keluar negeri itu tidak berlaku lagi kecurangan seumpama itu atau membiarkan sahaja pihak swasta itu sendiri mengeksportkannya dengan begitu senang?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ada. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia ada kuasa untuk memeriksa mutu kayu yang dikeluarkan mengikut grading rules. Kuasa ini diambil alih daripada Pejabat Kehutanan. Dan lagi Lembaga ini ada kuasa menetapkan syarat-syarat pengekspotan yang mana sesiapa pun kalau melanggar syarat-syarat itu besar kemungkinan lesennya akan digantung atau dibatalkan.

BANTUAN KEPADA PENGGANAS KOMINIS

17. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah setakat ini Kerajaan telah menangkap orang ramai yang memberi bantuan makanan kepada kominis di Semenanjung Malaysia dan apakah hukuman yang dikenakan ke atas mereka itu.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1971 hingga ke pertengahan bulan Julai 1976 seramai 782 orang telah ditangkap di Semenanjung Malaysia kerana disyaki membantu dan menolong pengganas-pengganas kominis. Selepas penyiasatan dijalankan mereka yang terlibat telah diletakkan di bawah Perintah Tahanan atau Perintah Terhad.

RELA/RUKUN TETANGGA—LATIHAN ALA TENTERA

18. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak memberi latihan ala tentera kepada yunit-yunit RELA, Rukun Tetangga dan lain-lain pertubuhan sukarela di negara lain pertubuhan sukarela di negara ini, dengan itu tidak lagi bercadang hendak mengadakan kerahan tenaga rakyat.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pada masa ini sedang memberi latihan kepada Ahli-ahli RELA dalam berbagai-bagai aspek kawalan kampung. Kursus-kursus yang diberi kepada Ahli-ahli RELA ini boleh diberikan kepada dua, iaitu;

- (i) kursus Ketua-ketua Yunit yang memakan masa selama 6 hari pada tiap-tiap satu kursus. Di dalam kursus ini semua peserta diajar berbagai-bagai aspek kawalan kampung seperti menggunakan senjata, cara menyampaikan

kan maklumat dan juga perhubungan RELA dengan Pasukan Keselamatan; dan

- (ii) Ahli-ahli RELA di kampung-kampung sedang diberi kursus berkenaan dengan cara-cara mengawal kampung mereka secara sambilan di kampung-kampung mereka sendiri.

SISWAZAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

19. Raja Nasron bin Raja Ishak: minta Menteri Pelajaran menjelaskan:

- (a) bilangan siswazah-siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia yang keluar, sesudah lulus dari Universiti itu, semenjak tahun 1970;
- (b) bilangan siswazah-siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah dapat diterima bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan; dan
- (c) bilangan siswazah-siswazah yang ditolak mendapat kerja di Jabatan-jabatan Kerajaan dan sebab-sebab mereka tidak dapat diterima.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua.

- (a) seramai 1,071 orang siswazah telah dikeluarkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia sejak tahun pertama pengeluaran siswazahnya dalam tahun 1973 hingga tahun 1976.
- (b) Bilangan siswazah lepasan dari Universiti ini yang telah bekerja dengan Jabatan-jabatan Kerajaan ialah seramai 248 orang. Walau bagaimanapun, menurut tinjauan kasar oleh Universiti tersebut didapati hampir semua siswazah-siswazahnya mendapat pekerjaan samada di Jabatan-jabatan Kerajaan, badan berkanun dan pihak swasta.
- (c) Bilangan siswazah-siswazah yang ditolak mendapat kerja di Jabatan-jabatan Kerajaan tidak dapat diberikan kerana Kementerian ini dan pihak-pihak berkuasa yang terlibat tiada menyimpan rekod-rekod lengkap mengenai perkara itu. Penolakan dalam pemilihan bekerja dengan jabatan

Kerajaan adalah perkara biasa yang melibat semua siswazah dari Universiti tempatan atau luar negeri. Kerajaan tidak dapat menjamin bahawa tiap-tiap siswazah akan diberi kerja oleh Kerajaan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa siswazah-siswazah Universiti Kebangsaan kerana kefasihan mereka bertutur dalam bahasa Inggeris tidak begitu tinggi mutunya jika dibandingkan dengan Universiti Malaya, maka adanya keraguan pihak-pihak Jabatan Kerajaan mengambil mereka untuk bekerja? Jika sedar, apakah langkah yang wajar diambil untuk mengikis keraguan ini?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu tuduhan yang telah dibuat tetapi tidak sebenarnya beralas. Di dalam temuduga yang diadakan oleh pihak-pihak yang memilih pekerja-pekerja mereka terpaksa membuat berbagai soalan dan berasas kepada soalan inilah maka pemilihan dibuat. Kalau kita semata-mata berpandu kepada ijazah maka kita tidak payah lagi mengadakan temuduga sama sekali dan mencukupi dengan menerima ijazah sahaja dan memberi kerja kepada mereka. Oleh kerana ijazah-ijazah itu setengahnya nilai-nilainya adalah sama maka terpaksa kita mengadakan temuduga dalam mana kita membuat berbagai-bagai soalan dan penilaian terhadap kebolehan seseorang ditentukan oleh soalan-soalan ini. Sudah tentu di antara soalan-soalan yang dibuat ialah tentang kefasihan, bukan sahaja dalam bahasa Inggeris tetapi apa juga bahasa yang boleh digunakan oleh mereka yang memohon kerja. Dalam berbagai tugas mungkin ada kepentingan menggunakan bahasa Inggeris, jadi kalau ada kecekapan di dalam bahasa Inggeris mungkin ini diberi satu penilaian. Begitu juga kalau ianya tidak cekap dalam bahasa Inggeris tetapi cekap pula dalam bahasa Arab dan kita berkehendakkan ianya bertugas, umpamanya, di Negeri-negeri Arab maka ini juga akan diberi keutamaan. Apa yang patut disedari di sini ialah sesiapa yang ada ilmu yang lebih ianya akan mendapat penilaian yang lebih tinggi tetapi ini tidaklah bermakna bahawa sukatan yang diutamakan ialah kecekapan di dalam bahasa Inggeris sahaja.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa anggapan setengah-setengah pihak oleh kerana universiti ini dinamakan Universiti Kebangsaan, mungkin sebahagian besar pelajaran itu diajar dalam Bahasa Kebangsaan dan kurangnya kebolehan penggunaan bahasa Inggeris. Jika sedar, apakah tindakan untuk hendak memperbaiki keadaan ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa anggapan yang tidak beralas.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tidak, fasal nama itu tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payahlah itu.

KHALWAT BAGI ORANG BUKAN ISLAM

20. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan samada benar Kerajaan bercadang menggubal satu undang-undang baru yang membolehkan orang-orang yang bukan Islam yang terlibat dalam kes khalwat didakwa di Mahkamah, jika ya, bila.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tiada bercadang untuk menggubal undang-undang baru yang membolehkan orang-orang bukan Islam didakwa di Mahkamah jika terdapat atau terlibat dalam kes khalwat. Undang-undang seumpama itu adalah bercanggah dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Undang-undang telah menerima beberapa permohonan supaya perbuatan khalwat, kesedudukan, zina, dan incest dijadikan satu kesalahan dan dihukum ke atas sesiapa juga yang melakukannya dalam negara ini. Oleh sebab desakan-desakan ini datang dari pihak orang-orang Islam, walhal hampir separuh penduduk negara ini adalah bukan beragama Islam, maka perkara ini perlulah dibincang, diteliti dan dikaji oleh semua pihak sebelum dibawa untuk pertimbangan Kerajaan.

LEMBAGA KEMAJUAN TRENGGANU TENGAH

21. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bilakah pelaksanaan pemusatan perkilangan di Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah akan dijalankan; dan adakah sebarang kemungkinan yang pelaksanaan ini dapat dilakukan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan Negara telah mengarahkan supaya satu kajian di atas konsep pemusatan perkilangan dibuat oleh FIDA dengan bantuan teknik dari Negara Belgium. Lapuran mengenai Kajian ini dijangka akan siap pada akhir bulan Ogos tahun ini dan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan Negara bagi mendapat pertimbangan tentang perlaksanaannya.

KESUSASTERAAN KEBANGSAAN MALAYSIA

22. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan mengapakah Kerajaan setakat ini membiarkan penggalakan kesusasteraan Malaysia yang ditulis di dalam bahasa China dan Tamil dan samada Kerajaan akan menawarkan hadiah-hadiah pada setiap tahun untuk menggalakkan tulisan-tulisan di dalam bahasa China dan Tamil oleh rakyat Malaysia untuk rakyat Malaysia.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, Kesusasteraan Kebangsaan Malaysia adalah hasil-hasil karya sastera yang ditulis dalam Bahasa Malaysia dengan isi kandungannya berlatar belakangkan kehidupan bangsa Malaysia. Kesusasteraan itu bertujuan mengujutkan identiti kebangsaan yang boleh melahirkan semangat Kebangsaan Malaysia dan merupakan satu daripada bidang dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Kerajaan tidaklah pula menyekat perkembangan kesusasteraan di dalam bahasa China dan Tamil. Tetapi penggalakan seperti pemberian hadiah sastera tahunan itu hanya dihadkan kepada penghasilan kreatif sastera yang ditulis dalam Bahasa Malaysia sahaja walaupun hasil-hasil itu ditulis oleh orang-orang China atau India.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa hasil kesusasteraan dalam bahasa China dan bahasa Tamil yang ditulis oleh warganegara Malaysia untuk mencerminkan latar belakang Malaysia ialah bercorak Malaysia, berhasil Malaysian dan tidak patut diketepikan atau tidak patut tidak digalakkan oleh pihak Kerajaan dan untuk mewujudkan sebuah negara yang berbilang bangsa di mana semua kaum, baikpun mengikut kesusasteraan yang berbahasa China atau Tamil atau Bahasa Malaysia patut digalakkan?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum bahawa tujuan utama kita dalam meneruskan perkara ini, yakni kita berharap bentuk atau kreatif sastera itu ialah dapat merupakan atau membentuk identiti rakyat Malaysia ini. Oleh sebab dasar kita sendiri bahawa Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia itu adalah bahasa yang kita anggap utama, maka bahasa inilah yang kita gunakan sebagai bahasa pengantar yang boleh mewujudkan perpaduan rakyat ataupun identiti rakyat Malaysia ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau bermakna bahawa tulisan-tulisan dalam bahasa China dan Tamil tidak boleh memberi sumbangan dalam pembentukan rupa identiti Malaysia dan sebab itu tidak digalakkan?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan tidak boleh, tetapi oleh kerana kita telah menyatakan Bahasa Kebangsaan itu adalah satu sahaja yang kita perakui, maka tentulah menerusi bahasa itu sahaja yang kita hadkan bagi memberikan hadiah-hadiah.

PERMIT TEKSI BAGI SYARIKAT PENGANGKUTAN SRI JAYA

23. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada benar 47 permit teksi telah diserahkan kembali oleh pihak Syarikat Pengangkutan Sri Jaya kepada Kementerian

beliau apabila syarikat itu menyusun semula pertubuhannya baru-baru ini; jika ya, nyatakan samada Kementerianannya akan menimbang memberikan 47 permit tersebut kepada pemandu-pemandu yang telah kehilangan pekerjaan akibat dari rancangan penyusunan semula syarikat itu.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, memang benar 47 permit teksi yang telah diberikan kepada Syarikat Sri Jaya Sendirian Berhad telah diserahkan kembali kepada Kementerian saya. Kementerian saya telah meluluskan permohonan untuk menukar milik permit-permit teksi tersebut kepada sebuah syarikat kepunyaan pemandu-pemandu yang telah memandu teksi-teksi itu dengan Syarikat Sri Jaya dahulu.

RUMAH MURAH

24. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan bilangan rumah murah yang telah dibina oleh Kerajaan dan badan-badan berkanun Kerajaan di antara tahun 1970-1975, nyatakan berapa jumlahnya bagi tiap-tiap negeri.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap di sini iaitu Ahli Yang Berhormat itu menanyakan tentang bilangan rumah kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan dan badan-badan berkanun Kerajaan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua iaitu antara tahun 1971 hingga 1975.

Dengan anggapan ini saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa dalam tempoh tersebut sejumlah 34,192 yunit, kebanyakannya rumah kos rendah, telah dibina oleh Kerajaan dan ajensi-ajensinya termasuklah FELDA, FELCRA, MARA, PKEN-PKEN, Jabatan Orang Asli dan sebagainya.

Pembahagian yunit-yunit rumah itu mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Yunit
1. Perlis	206
2. Kedah	565
3. Pulau Pinang	481
4. Perak	2,525

5. Wilayah Persekutuan ...	2,812
6. Selangor	5,977
7. Negri Sembilan	2,347
8. Melaka	830
9. Johor	4,385
10. Pahang	11,991
11. Trengganu	672
12. Kelantan	223
13. Sabah	620
14. Sarawak	558
JUMLAH ...	34,192

TITI JALAN KAKI

25. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perhubungan menyatakan samada titi jalan kaki (footwalks) di sebelah jambatan keretapi di Tapah Road itu boleh disediakan oleh pihak Jabatan Keretapi Tanah Melayu sebagai satu sumbangan kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan di-Pertua, pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sedang menimbangkan pembinaan titi jalan kaki (footwalk) di sebelah jambatan keretapi di Tapah itu tetapi samada hendak dibina atau tidak jambatan itu terpulanglah kepada harganya, keutamaannya (priority) dan keupayaan Jabatan Keretapi Tanah Melayu.

KUTIPAN TOL SLIM RIVER

26. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam:

- jumlah wang sasaran yang Kerajaan mula-mula berharap mengutip daripada tol Jalan Slim River;
- jumlah wang yang telah dikutip pada 31hb Mei, 1976; dan
- bila Kerajaan harap menarik balik tol tersebut.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, maklumat-maklumat yang sama telahpun saya berikan sebentar tadi ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang

Berhormat dari Parit. Walau bagaimanapun, ingin saya memberitahu sedikit tambahan untuk jawapan ini iaitu:

- (a) Kerajaan tidak bertujuan untuk mengutip satu jumlah tertentu daripada tol Jalan Slim River;
- (b) Ini saya sudahpun memberi jawapannya tadi;
- (c) Kerajaan belum bercadang untuk mem-berhentikan kutipan tol tersebut.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara; meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara, dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi perlaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam kertas Perintah No. 25, tahun 1976. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka, mengikut hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu padu, aman damai, saksama, maju dan kukuh. (22hb Julai, 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari yang kelima hari yang diberikan kepada Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Rancangan ini dan hari Isnin minggu depan yang akhir. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Semerah.

3.25 *pig*.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian memberikan sepenuh-penuh sokongan dan membincangkan usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Rancangan Malaysia Ketiga beberapa hari yang lalu. Pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga yang bermula pada tahun ini akan membawa kita masuk ke ambang zaman baru di dalam pembangunan yang mengutamakan dan menitik-beratkan golongan-golongan miskin yang tinggal di kampung-kampung pendalaman iaitu dengan ertikata bagi menjamin bukan sahaja kemajuan dan kemakmoran bahkan untung nasib negara kita ini pada masa akan datang.

Saya adalah mengalu-alukan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan memberi jaminan yang hendak mengutamakan negeri-negeri yang kurang maju seperti negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu, Melaka, Sabah dan Sarawak di dalam sektor pertanian pembangunan luar bandar sebanyak 25% yang berjumlah \$4.7 billion. Jaminan ini sangatlah membanggakan dan merupakan satu langkah yang baik dan ini bererti di dalam sektor-sektor pertanian di luar-luar bandar dapat dimajukan serta dapat meninggikan taraf hidup rakyat, tetapi ini bukanlah bermakna negeri yang mundur itu keseluruhannya dan negeri yang maju itu maju keseluruhannya seperti negeri-negeri yang tidak disebutkan di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Sedangkan negeri-negeri yang maju ada juga terdapat di dalam kawasan-kawasan kampung dan pekan-pekan dan pembangunan bukanlah bermakna keseluruhannya maju di setiap pelusuk rantau negeri ini. Tetapi banyak lagi daerah-daerah dan kawasan-kawasan yang masih lagi ketinggalan seperti yang terdapat di kawasan-kawasan yang dianggap maju termasuklah di negeri Johor yang mana ada terdapat kawasan-kawasan pendalaman khasnya kawasan saya sendiri iaitu kawasan Semerah yang mana banyak terdapat kampung-kampung pendalaman yang tidak mendapat apa-apa kenikmatan dan kemudahan di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Kemudahan-kemudahan ini seperti jalan-jalan raya, elektrik, api, talipon, balai-balai pelajar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian dari penduduk-penduduk di kawasan pendalaman yang terpencil sering mengatakan yang mereka belum lagi mempunyai kemudahan dan tidak mendapat apa-apa di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Mereka hanya mendengar melalui berita-berita radio yang memberi segala jenis-jenis projek untuk rakyat, tetapi di tempat-tempat mereka masih belum sampai lagi dan masih belum dapat apa-apa lagi perubahan dan mereka belum pun mengecap kemudahan projek tersebut yang diumumkan oleh Kerajaan untuk membantu rakyat seperti mereka. Dan ada projek-projek yang mereka minta dan telah diluluskan tetapi lambat disempurnakan. Inilah yang menyebabkan penduduk-penduduk yang mendiami di kampung-kampung pendalaman yang tidak mempunyai apa-apa kemudahan semakin hari semakin berkurangan, kerana ramai yang meninggalkan kampung-kampung mereka disebabkan mencari pekerjaan di bandar-bandar dan pekan-pekan, kerana pekerjaan yang mereka buat di kampung-kampung tidak dapat meninggikan kehidupan mereka di sana. Oleh itu, saya berharap kepada pihak yang berkenaan agar dapat memberikan kemajuan yang lebih lagi kepada negeri-negeri yang telah sedia maju di samping negeri yang kurang maju. Pihak-pihak yang berkenaan hendaklah membina kilang-kilang serta lain-lain yang mendatangkan sumber pekerjaan kepada belia-belie kerana di kampung-kampunglah banyak bahan untuk diproseskan bagi dijadikan bahan-bahan perkilangan. Langkah inilah juga dapat mengurangkan sedikit pengangguran. Langkah-langkah Kerajaan hendak mengurangkan pengangguran di dalam Rancangan Malaysia Ketiga daripada 7.1% kepada 6.1% tetapi jika pihak berkenaan tidak mengambil tindakan yang sewajarnya, maka pengangguran tidak akan dapat dikurangkan sebagaimana yang dijangkakan. Tetapi sebaliknya belia-belie yang menganggur semakin bertambah dari setahun ke setahun. Kebanyakan belia yang menganggur ini separuh daripadanya adalah terdiri daripada bumiputra kita anak Melayu. Inilah menyebabkan kemiskinan dan kemunduran bumiputra kita susah untuk diatasi dan dihapuskan. Belia-belie yang menganggur ini bukanlah sahaja menyebabkan kemunduran dan merugikan kepada diri mereka sendiri tetapi mereka menyusahkan masyarakat serta negara kita ini. Apabila mereka tidak bekerja banyak akibat-akibat dan masalah-masalah

alah yang berlaku terutamanya mereka akan memasuki kegiatan-kegiatan pengedar dan penagih dadah. Dadah merupakan satu bahaya yang boleh merosakkan akhlak dan perbadi belia-belie kita yang di dalam kegiatan-kegiatan itu terutama anak-anak Melayu begitu mudah terpengaruh. Masalah ini patutlah diatasi oleh pihak-pihak yang berkenaan dengan cara membuka tanah-tanah rancangan dengan lebih banyak lagi. Oleh itu, dapatlah menambahkan peluang-peluang pekerjaan menerusi pembukaan tanah-tanah baru. Dengan ini belia-belie yang menganggur dapatlah dikurangkan. Tanah-tanah rancangan ini hendaklah diutamakan pembahagiannya kepada belia-belie tersebut. Sebagaimana yang telah kita ketahui, Kerajaan telah menggalakkan rakyatnya supaya menyertai dalam bidang-bidang atau sektor-sektor pertanian yang telah dijalankan selama ini seperti di dalam rancangan tanah Johor Tenggara, Jengka dan pertanian di sini belum lagi menunjukkan kejayaan-kejayaan dan hasil-hasil yang sebenar-benarnya. Saya berharap dalam Rancangan Malaysia Ketiga keadaan ini akan dapat diubah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak yang berkenaan lebih menitikberatkan kepada pekebun-pekebun kecil di kawasan-kawasan luar bandar seperti pekebun-pekebun kecil di kawasan-kawasan luar bandar seperti pekebun-pekebun yang menanam getah, kelapa, petani-petani sambilan dan sebagainya. Kerana keadaan pasaran bagi pekebun-pekebun kecil tidak tetap dan selalu merugikan kalau penghasilannya seperti getah dijual melalui orang tengah yang tidak tetap harganya. Ini sering berlaku di tempat-tempat pendalaman yang tidak mempunyai perhubungan. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan atau pihak-pihak swasta supaya membeli hasil dari pekebun kecil ini dengan harga yang tertentu tanpa penindasan ke atas mereka. Pihak berkenaan perlu juga membahagikan dan menjual benih-benih baja yang baik kepada pekebun-pekebun kecil. Dengan ini dapatlah meninggikan lagi daya pengeluaran di kawasan-kawasan pertanian yang sedia ada.

Bekalan air juga sangat mustahak kepada rakyat kerana apabila musim kemarau adalah menjadi kesukaran bagi mereka terutama penduduk-penduduk di luar bandar khususnya di kawasan saya sendiri telah mengalami selama 5 bulan kekurangan air khasnya

kawasan yang jauh dan pendalaman kerana apabila lori-lori yang menghantar air di kampung-kampung maka kampung-kampung pendalaman sangat sukar bagi mereka untuk mengangkut air yang jauh sampai lima batu. Kebanyakan penduduk kekeringan air mereka menggunakan air di parit-parit untuk memasak. Keadaan ini boleh mengganggu kesihatan mereka dengan memakan air yang tidak bersih. Oleh itu, saya meminta kepada pihak yang berkenaan untuk membekalkan dengan segera paip-paip air ini di kampung-kampung yang belum mempunyai perbekalan air yang tersebut. Saya berharap menjelang tahun 1980 cadangan-cadangan dan permintaan saya ini dapat dilaksanakan semoga kemiskinan dan kemunduran rakyat dapat dihapuskan dan kampung-kampung pendalaman yang ketinggalan dalam segala segi bidang dapat dimajukan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya juga meminta kepada pihak berkenaan agar dapat mengambil berat dan tindakan kepada kaum bumiputra di dalam sektor kemajuan tanah, terutama kepada tuan-tuan punya tanah di luar-luar bandar tidak ketinggalan di situ dan tanahnya dibiarkan begitu sahaja tanpa diperhasikan. Tanah ini bukannya sedikit tetapi hingga 6-7 ekar dibiarkannya semak hingga menjadi hutan. Keadaan ini hendaklah diambil berat oleh pihak yang berkenaan dengan cara diambil oleh Kerajaan dan kemudian dibahagikan kepada orang lain yang tidak mempunyai tanah langsung. Di masa ini tanah-tanah untuk penempatan dan perumahan kurang sekali. Mengenai dengan Pejabat-pejabat Tanah sememang berlaku kekecohan dan membuat problem kepada orang miskin yang datang dari luar bandar untuk membayar cukai tanah mereka dan juga datang kerana urusan-urusan mengenai dengan tanah. Mereka banyak masalah kepada tuan-tuan tanah kerana tidak dapat diselesaikan hingga bertahun-tahun lama kadang-kadang rekod dan segala butir-butir mengenai tanah tersebut tidak dapat dicari atau tidak disimpan dengan betul. Perkara ini patutlah di atas untuk menyenangkan kepada orang pendalaman di luar bandar kerana mereka datang dari kampung-kampung yang jauh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu bahawa dikatakan semua golongan-golongan petani memerlukan baja dan

dengan bajalah tanaman mereka menjadi subur dan mengeluarkan hasil-hasil buah-buahan, sayur-sayuran yang banyak. Maka pada pendapat saya sudah sewajarnya kilang-kilang baja untuk petani-petani itu patut diusahakan dan adakan sendiri kalau boleh kita buat secara besar-besaran sebagaimana yang diadakan untuk peladang dan sebagainya. Begitu juga kiranya ada tanah kosong yang tidak ditanam hendaklah dibuka untuk pertanian bagi menambahkan lagi pekerjaan-pekerjaan mereka.

Lembaga Persatuan Peladang telah menyediakan projek-projek yang akan dijalankan dengan begitu hebat untuk faedah kaum petani. Namun begitu, peruntukan juga tidak mencukupi, saya berharap kepada Kementerian Pertanian supaya menimbangkan semula dan menyelidiki agar kemiskinan dapat dibasmi dan mengurangkan jurang pendapatan hidup di luar bandar. Saya percaya dengan sungguh-sungguh yakin Lembaga Persatuan Peladang boleh menjadi dan menukar corak keadaan hidup petani-petani jika pihak Lembaga Persatuan Peladang bekerjasama dengan agensi-agensi lain, umpamanya, RISDA, FAMA, PERNAS dan Bank Pertanian. Maka dengan ini menaikkan lagi untung nasib petani-petani kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pihak MARDI pun sekarang sedang membuat penyelidikan tentang bunga orkid. Ini saya rasa tidaklah begitu mustahak kerana hanya menjadi hiasan dan kegemaran kepada orang kaya dan berada sahaja tetapi ia tidak memberi faedah langsung kepada rakyat miskin yang tak mampu. Eloklah kiranya pihak RISDA membuat penyelidikan yang lebih giat lagi berkenaan dengan kenaikan lada kering, bawang dan sebagainya. Bagaimanakah cara penanamannya dengan banyak? Tambahan pula barang-barang ini diperlukan setiap hari oleh golongan miskin dan kaya serta mustahak kepada penghidupan sehari-hari.

Saya juga berharap agar Jabatan Taliair dengan menyelenggarakan parit-parit dan taliair yang sudah lama terbiar dan menyebabkan parit-parit tersebut sudah dipenuhi dengan bahan-bahan sampah dan akar-akar kayu yang tidak berguna. Ini menyebabkan juga air tidak boleh berjalan dan apabila berlaku hujan lebat diserang banjir. Dan apabila hendak dikorek balik parit-parit ini, tanaman-tanaman pendapatan-pendapatan

disekelilingnya maka jadi sukarlah bagi membersihkannya, kalau pun begitu terpaksa membelanjakan dengan wang yang banyak untuk meluluskan dan penanam-penanam semula dengan tanaman itu. Kejadian begini boleh menyebabkan dan mengganggu tanaman penduduk-penduduk kampung yang memerlukan berpuluh-puluh ekar tanah.

Rancangan subsidi pembinaan bot-bot dan memudahkan kepada nelayan-nelayan yang berlebihan merupakan faktor-faktor yang melibatkan pendapatan nelayan yang susah. Pembinaan-pembinaan bot pukat tunda, bot serbaguna oleh MAJU-IKAN adalah merupakan tambahan besar kepada nelayan dan membolehkan nelayan-nelayan menangkap ikan secara moden. Kementerian juga berpendapat dengan adanya kemudahan-kemudahan asas dan projek-projek yang melibatkan pendapatan-pendapatan nelayan secara langsung dan matalamat mengujudkan suasana yang lebih stabil sektor perikanan akan dapat dijadikan lebih baik.

Pemeliharaan ternakan juga menjadi sumber pendapatan petani-petani dan penduduk-penduduk desa lebih dari 80% pengeluaran ternakan dijalankan oleh penternak-penternak kecil. Di samping MAJU-TERNAK menumpukan perhatian untuk pengeluaran secara perdagangan tetapi kepentingan penternak-penternak kecil juga dipelihara. MAJUTERNAK juga akan mengadakan lebih banyak lagi pusat-pusat pengeluaran susu dan menyusun semula rumah-rumah sembelihan di seluruh negara, kita memastikan rakyat mendapat bekalan daging dengan cukup. Dan saya harap di samping itu Jabatan Haiwan hendaklah sentiasa meneliti akan ternakan tidak di-hinggapi oleh penyakit-penyakit yang boleh menentukan usaha-usaha memajukan bidang-bidang ternakan negara. Kebanyakan penduduk-penduduk dan petani-petani suka ber-ternak tetapi harga-harga makanan ternakan di dapati mahal dan juga dijual umpamanya telur ayam dapat dengan harga yang murah dan saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan seboleh-bolehnya mengadakan satu kilang khas makanan ayam, maka dengan itu dapatlah penduduk-penduduk kampung atau pun petani-petani mendapat kerja tambahan selain daripada bertani.

Di dalam Bahagian Penyelidikan Tek-nologi, saya suka menyentuh berkenaan buah-buahan tempatan yang bermusim. Elok kiranya kita buka kilang buah-buahan kerana negara kita belum mempunyai kilang serupa ini dan apabila buah-buahan ini di proses bukan sahaja dapat dimakan oleh rakyat kita tetapi juga untuk diekspotkan keluar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengucapkan terima kasih kepada pihak RISDA yang telah memberikan bantuan penanaman nenas semula jenis merah di kawasan pilihan raya saya. Saya suka membawa pandangan dan menyeru pihak-pihak yang berkenaan untuk mengkaji mengenai dengan kedudukan baharu penanam semula ini berhubung dengan letak kawasannya. Misalnya, di Parit Maimun dengan adanya bantuan tersebut pengeluaran nenas jenis merah akan meningkat sehingga 90,000 butir banyaknya tetapi yang mendukacitakan ialah mengenai dengan jalan raya. Bagaimanakah nenas ini akan diangkat keluar kalau tidak mempunyai jalan raya yang sempurna? Saya kemukakan pendapat ini ialah memandangkan bantuan besar yang dikeluarkan oleh RISDA sekiranya soal jalan raya dan pengangkutan ini tidak ada, saya tidak fikir bantuan ini akan memberikan faedah kepada orang kampung atau kalau pihak yang dibantu dengan itu juga adalah merugikan RISDA sendiri. Dengan lain perkataan bantuan yang akan menjayakan projek ini akan gagal semata-mata. Di samping ini saya menyeru pihak yang berkenaan mengenai dengan bantuan-bantuan satu-satu projek hendaklah dikaji dahulu sejauh mana dan kedudukannya maka baharu-lah bantuan-bantuan yang dikehendaki ini didatangkan. Bantuan kepada orang kampung adalah merupakan bantuan yang mengharap-kan perseimbangan kedudukan ekonomi sekiranya bantuan ini membawa kegagalan maka tidak bererti bantuan-bantuan ini hendaklah dikaji dahulu yang mana seharusnya diberi dan didahulukan yang mana seharusnya ditangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kajian perumahan dan kampung-kampung baharu telah menubuhkan satu Jabatan Perumahan di dalam Menteriannya, tetapi Kerajaan belum dapat melaksanakan bantuan perumahan bagi orang-orang yang berpendapatan kecil dan tidak mempunyai rumah. Inilah menyebabkan mereka membina rumah-rumah setinggian. Mereka tidak kira di mana sahaja untuk membina rumah-rumah

asalkan rumah itu dapat memberi perlindungan bagi mereka. Ini menyebabkan binaan rumah tidak teratur dan mengikut peraturan. Perumahan adalah satu perkara mustahak bagi penghidupan baik dari segi golongan kaya ataupun miskin. Tetapi Kerajaan patutlah memberi keutamaan bantuan-bantuan yang lebih pada rakyat yang tidak mempunyai rumah dan golongan-golongan yang kaya patut kita kemudiakan, kerana rakyat yang berpendapatan rendah tidak mampu membuat segala-galanya, tetapi golongan atasan mereka mampu membuat apa sahaja dan mereka ini telah mendapat kedudukan sekurang-kurangnya rumah Kerajaan. Apabila pemaju-pemaju rumah menjual rumah, rumah yang mahal hanya orang-orang kaya dan mampu sahaja dapat membelinya, yang miskin pula tidak dapat membeli rumah-rumah ini. Mereka bukan sahaja tidak ada rumah tetapi sekeping tanah pun tidak ada. Mereka ini hanya dapat membuat rumah di tepi-tepi sungai, dan setengahnya di pinggir-pinggir bandar atau di tanah-tanah Kerajaan. Selepas itu datang pula pegawai-pegawai Kerajaan bahagian tanah memberi notis, kadang-kadang dalam masa dua minggu atau seminggu, meminta mereka merobohkan rumah mereka. Orang yang tidak ada rumah sering sahaja berlaku seumpama ini. Setelah pegawai-pegawai Kerajaan itu menghalau mereka, Pegawai-pegawai Kerajaan tidak memikirkan tentang bagaimana mereka itu akan pergi setelah rumah mereka itu dirobohkan.

Kerajaan patutlah bertindak sebelum mereka mendirikan rumah itu, kerana jika mereka telah lama tinggal di situ tentu menjadi kesukaran bagi mereka untuk keluar. Mereka telah mengeluarkan belanja yang banyak untuk membina rumah tersebut dan ada setengah anak-anak mereka sedang bersekolah berdekatan tempat tinggal mereka. Jika mereka pindah, tentu kedudukan mereka jauh dan menjadi kesukaran pula kepada pelajaran anak-anaknya serta kenderaan mereka dan tambang-tambanganya.

Saya berharap kepada Kerajaan Pusat patutlah memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri untuk membeli tanah-tanah ladang jika ada tanah-tanah ladang getah yang hendak dijual, patutlah Kerajaan Pusat mengatasi tanah-tanah ini. Kita boleh jadikan kepada lot-lot untuk diberikan kepada orang-orang yang tidak ada rumah. Kalau kita buat cara begini, kita dapat menghapuskan rumah-

rumah haram dan dapatlah orang-orang yang tidak mampu dan tidak mempunyai tanah dan rumah untuk mendirikan rumah-rumahnya untuk kediaman mereka.

Saya berasa bangga, Tuan Yang di-Pertua, tujuan besar Kementerian ini ialah untuk membentangkan sistem perumahan nasional dan memberi kehidupan yang moden sedikit kepada kampung-kampung baharu yang selama ini tertinggal di dalam pelaksanaan tujuan-tujuan yang tersebut. Saya dapati setakat ini Kementerian tersebut masih belum lagi mempunyai rancangan-rancangan atau program-program yang konkrit di dalam kedua-dua bidang mengenai rancangan bantuan kampung-kampung baharu dan bidang perancangan perumahan.

Setakat ini pihak Kementerian masih lagi di dalam peringkat penggantungan kepada pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri, bagi satu-satu projek yang hendak dijalankan samada perumahan ataupun peringkat kampung-kampung baharu. Ternampak jelas bahawa penyertaan Kementerian ini sendiri kurang benar iaitu kekurangan kepakaran yang telah dihantar kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Daerah-daerah untuk menyertai sama dalam Mesyuarat-mesyuarat Tindakan, Mesyuarat-mesyuarat Pembangunan Luar Bandar dan sebagainya.

Lantaran ini Kementerian hanya menerima atau menolak satu-satu projek yang telahpun dibuat atau dihasilkan oleh Pegawai-pegawai Jajahan atau Pegawai-pegawai Daerah. Saya rasa amalan seumpama ini adalah tidak betul, kerana beban yang dipikul oleh Kerajaan Negeri dengan kakitangan yang terhad tidak dapat menjalankan pekerjaan-pekerjaan yang saya sebutkan tadi. Dengan demikian, projek-projek yang bakal dijalankan itu berjalan dengan teratur dan cepat.

Soal keselamatan sekarang, saya rasa eloklah kiranya pihak Kementerian ini mengumpulkan kembali mereka yang tinggal jauh daripada kampung-kampung baru yang terpencil dan ditempatkan mereka semula serta mengujudkan Kampung-kampung Baru yang lain selain daripada lebih kurang 460 Kampung-kampung Baru di seluruh negara. Dengan cara ini, saya rasa proses yang sedang berjalan bagi mengujudkan pekan pekan akan dapat dihasilkan dengan secepat mungkin.

Saya rasa memadailah setakat ini ucapan saya dan saya mengambil kesempatan untuk

memberi sepenuh-penuh sokongan di atas Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

3.51 ptg.

Tuan Haji Mohamed Khir Johari (Kuala Muda): Tuan Yang di-Pertua, di samping saya menggunakan Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga untuk menggunakan sedikit sebanyak bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan pembukaan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau telah menegaskan bagaimana pentingnya peranan yang harus dimainkan oleh pihak swasta untuk menjayakan matlamat sosio-ekonomi bagi negara kita. Dan beliau telah menegaskan juga bahawa pihak swasta adalah dijangka mengeluarkan terbanyak sekali punca permodalan untuk menjayakan rancangan ini.

(*Dengan izin*) And I am convinced, Mr Speaker, Sir, that the private sector will be able to accept this challenge. But the most important prerequisite is that the Government machinery at Federal, State and the lower levels must be geared to play its proper role. If a businessman has to wait for months or maybe years to get his telephone installed, this is not going to be encouraging. If he has to wait for months for a decision from a Ministry or even from a Land Office, this will dampen his enthusiasm. If he gets kicked around from one Department to another, this will frustrate him. Unfortunately, these things are happening. The bureaucracy keeps on expanding without a corresponding increase in efficiency. There seems to be a lack of urgency in their approach and attitude towards things. They appear to think that the private sector owes them a living. I am a strong supporter of responsible trade unionism, but when workers seem to care more for their rights than their responsibilities, something must be wrong somewhere within the system.

Let us admit that foreign investment into this country has slackened within the last two years. Let us admit that tourism, too, is in the doldrums, judging from the occupancy rates of tourist hotels in this

country. The logical thing for us to do is to examine the position objectively. Has our attitude been such as to scare away potential investors? I am, for example, all for protecting our national airline, MAS, but are we not over-protecting it to the detriment of our overall interest in attracting foreign tourists into our country? Is it fair for MAS, for example, to make us, the poorer people in this country, to pay higher for our air passages? Do our immigration and other rules and regulations make it easy for people to come into our country? Why is it that Thailand, Singapore and the Philippines have succeeded in increasing the flow of foreign tourists into their respective countries? These are some of the questions that require answers, not from anybody else, but from us, and they are important if we want to succeed in reaching our desired goals.

The Third Malaysia Plan has been called a "Plan for National Unity". This is tied up with the process of correcting the imbalances and the restructuring of our society. I should like here to comment on the opportunities for higher education in the domestic tertiary institutions. While we are all happy to note that during the period 1971-1975 the share of the Malays and other indigenous people to total enrolment in these institutions has increased from 50% to 65%, I feel that the methods adopted towards reaching this end need some re-thinking on our part, as I find that they are not conducive to national unity.

In order to avoid any heartache amongst our young people, the Government ought to have a clear-out policy in the selection of students into our own tertiary institutions. For example, the Government could decide, in no uncertain terms, that during the Third Malaysia Plan period a quota of, say, 60% would be reserved for Malay students and students of other indigenous races. The rest would be offered to others based on merit. This quota could be reviewed at the end of the Plan period. In this way, we can avoid a lot of misunderstanding, heartache and uncertainty amongst parents because, as parents, the most important thing is the future of their children. We must not penalise the present generation for the shortcomings or omissions or even mistakes of the past.

Finally, I would like to touch briefly on the mass media in this country. I think we all

want our Press to be the "watchdog" of our people. (*Tepuk*) To be able to carry out this duty they must be free, subject, of course, to certain national security interests and so on. They must be free to point out where our Government goes wrong. They must be free to report what goes on in the country objectively and without fear or favour. (*Tepuk*) But sad to say, we have to read foreign newspapers and magazines if we want to know more of what is going on behind the scenes in our own country. Why must this be so? Are we not cheating our own people by always insisting on the "right" things to be published by our mass media? It is for this reason that I advocate the introduction of Commercial Radio and TV as a supplement to Government's efforts. In Thailand they have four TV stations—two owned by the Government and two owned commercially—and there seems to be no conflict; in fact, they are more progressive than what we have here. By all means, have all the safeguards and what-have-you when you want to issue those licences. The main thing is that it is very important for us to remember that we do not want our children, our future generation, to grow up into robots. I believe very strongly that our mass media, if properly run, could play an important role not only in ensuring the successful implementation of our Third Malaysia Plan, but more importantly, in seeing that the Plan also serves national unity in the real sense of the word.

Bagi penutupnya sebagai wakil rakyat bagi negeri Kedah, saya suka juga menyatakan bagaimana dukacitanya kerana peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk Negeri Kedah yang mempunyai penduduk lebih daripada satu juta manusia adalah sangat kurang peruntukannya jika dibandingkan dengan Negeri-negeri yang lain. Saya tidak mengatakan yang kita mahu sama dengan negeri Pahang ataupun negeri Kelantan, tetapi saya katakan di sini kalau dikemudian nanti masih ada saki baki, ada balance, janganlah lupa kepada kami, sungguhpun kami miskin, tetapi kami juga ada hati dan ada ambition.

4.20 ptg.

Tuan Lim Kiam Hoon (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-1980. Rancangan ini dianggap sebagai

satu dokumen yang sangat mustahak kerana ia bukan sahaja akan mengakibatkan semua rakyat Malaysia pada masa ini, ia juga akan mengakibatkan generasi-generasi kita yang akan datang. Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan ini memberi tahniah saya kepada Kerajaan kita terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinetnya kerana membuat rancangan yang mustahak ini.

Saya mesti juga memberi hormat saya kepada Allahyarham Tun Abdul Razak—seorang pemimpin agung yang telah membuat sumbangan yang besar kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris di samping bercakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang-panjang sangat. Diizinkan.

Tuan Lim Kiam Hoon: Terima kasih. (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, although much progress has been achieved under the Second Malaysia Plan, much more remains to be done. As a representative of the people, I feel I will be failing in my duty if I do not disclose to this House what I have heard from the people, about the Second Malaysia Plan. The Government's policies and intentions were good, but the general dissatisfactions under the Second Malaysia Plan were:

- (1) The concept of the Second Malaysia Plan was not fully sold to all Malaysians, i.e. some sections of Malaysian were in the dark about the Second Malaysia Plan.
- (2) Some Government executives and officers of Government agencies who were responsible for the implementation of the Second Malaysia Plan did not follow the Plan closely. Instead, they chose to interpret the Policies as they liked and, in some instance, they have even acted as policy-makers themselves, instead of serving merely as implementors. This obviously must stop, and I hope the Government will undertake a proper review of the whole Government bureaucracy for this purpose.

Mr Speaker, Sir, we all know that Malaysia is a multi-racial country. It is also a well-known fact that our Government is a

democratic and multi-racial one. Our Government's policy is to ensure that no single section of Malaysians can claim that they got everything they want, at the expense of other sections; otherwise the Barisan Nasional Government would have failed. In order to overcome these dissatisfactions as generally expressed by the people over the Second Malaysia Plan, I sincerely urge our Government:

- (a) to make sure that the Third Malaysia Plan is fully made known to all Malaysians so that everyone will feel that it is a Plan for all Malaysians. It is a Plan for all segments of our society to participate in it and to make it a success;
- (b) to set up a multi-racial Enforcement Unit in the Prime Minister's Department to ensure that:
 - (i) every cent spent under this Plan will benefit the people concerned. Too much money is being spent these days without accountability. There has been wastage and mismanagement in a number of departments and statutory bodies. The people are aware of this.
 - (ii) this Enforcement Unit is there to ensure that the programmes and projects under the Third Malaysia Plan are properly implemented and that there will be no deviations from our stated objectives.

Mr Speaker, Sir, this is also extremely important, because the impression has been created that the Government is concerned only about the progress of a single section of the community; it is essential that the periodic review of the Third Malaysia Plan, which has been promised, will cover all sectors, all groups, and all races.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Isnin, 19hb Julai, 1976 bahawa "Kita memulai Rancangan Malaysia Ketiga dengan kepercayaan, ekonomi kita adalah kuat."

Saya juga bersukacita mendengar bahawa Kerajaan kita akan memberikan perhatian khas kepada ketinggian taraf hidup penduduk yang miskin baik di kawasan bandar mahupun di kawasan luar bandar. Selanjutnya matlamat Kerajaan kita adalah mengu-

rangkan ketidakseimbangan ekonomi antara negeri-negeri kita, kerana perhatian yang lebih besar akan diberi kepada Kedah dan beberapa negeri yang kurang maju, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Mr Speaker, Sir, it is most encouraging to note that highest priority would be given to the growth and modernisation of the *agricultural sector*, i.e. 58% of the total expenditure of \$4.7 billion to be expended for this sector. Apart from this fact, to improve the productivity of the poor in existing agricultural areas, *one million acres* of new land would be opened up. I hope the opening up of new land would provide productive job opportunities for the landless in general and to the residents of new villages in particular. I am making this appeal on behalf of the residents of new villages, because most of them in central Kedah and in my constituency of Padang Serai up-to-date have not been given an inch of land for cultivation. These people have been waiting for the last twenty years. It is a well known fact, Mr Speaker, Sir, that the Government's land development agencies such as FELDA have almost 100% bumiputra participation. The Third Malaysia Plan implicitly recognises this fact but it does not tell us why this has been the case. We trust that this time there will be an improvement and that the participation by non-bumiputras will be fairly increased.

As far as the *private sector* is concerned, Malaysia is now regarded by "multi-national companies and other investors as an area of high commercial security risk". I am happy that our Honourable Prime Minister is fully appreciative of the difficulties which are confronted by the private sector, and I hope that he will personally look into these difficulties by meeting representatives of the private sector to clarify and improve the situation. I trust that he will also arrange to meet not only the representatives of foreign companies operating in Malaysia but also the members of the local business community. I call upon all the responsible Chambers of Commerce to take advantage of this opportunity to make their views known.

Mr Speaker, Sir, I would like to take this opportunity to suggest that our Honourable Prime Minister, while meeting the representatives of the local private sector, would also look into the current complaints of shortage

of non-bumiputra staffs in Government offices with a view to achieving greater national unity, thus building up a strong democratic and multi-racial society.

Mr Speaker, Sir, we have today reached an unfortunate situation where the restructuring of the employment pattern in the private sector is not similarly reflected in the public sector. This position must be rectified, Mr Speaker, Sir, or else an impression may be created in the minds of the public that what is good for one community is not necessarily good for the others. A feeling of discrimination is then bound to arise, a situation which we must avoid at all costs as this is contrary to our intention and the spirit to restructuring our society.

4.13 ptg.

Tan Sri Syed Ja'afar Albar (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menyampaikan ucapan tahniah saya kepada Kerajaan khasnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengemukakan Rancangan Malaysia Ketiga yang begitu ambitious sekali.

Kami Ahli-ahli Dewan Rakyat di sini, Tuan Yang di-Pertua—sebelum saya bercakap lebih lanjut berkenaan dengan Rancangan ini—di sini adalah datang bukan kerana hendak mengundi sahaja, tetapi untuk memberi pandangan, pendapat, cadangan dan teguran. Saya terpaksa menyebutkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana apakala setengah Ahli-ahli Dewan ini mendatangkan teguran ke atas setengah-setengah pejabat Kerajaan, Ahli Dewan itu di “blackmark” kan. Sekiranya ini yang akan berjalan dalam negeri kita baiklah kita bubarkan Dewan ini dan biarkan negeri ini diperintah oleh Pejabat-pejabat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga ini bagaimana yang saya katakan tadi sangatlah ambitious dan kita berharap dan bersedia untuk menjadikan Buku Hijau itu sebagai satu kejayaan dalam masa lima tahun yang akan datang, tetapi saya di sini ingin mengulang sekali lagi ucapan saya, waktu saya bercakap, berkenaan dengan Rancangan Malaysia Pertama dahulu saya telah menyebutkan bahawa walau bagaimana cantiknya rancangan atau plan yang telah disediakan, tetapi kalau jentera-jentera yang hendak menjalankan dan menyempurnakan apa yang terkandung dalam plan-plan dan

rancangan-rancangan itu maka plan-plan itu akan menjadi sebagai dakwat hitam atas kertas putih sahaja; tidak lebih dan tidak kurang. Saya mendesak sebelum plan-plan ini dibuat, sebelum rancangan ini dibuat kita mesti mengkaji segala peraturan yang ada dalam negeri ini dan kita mesti menyemak segala jentera yang ada dalam negeri ini supaya kalau ada jentera-jentera yang berkarat kita kena minyakkan, jentera-jentera yang rosak kita cari spare-part dan gantikan dan seterusnya.

Sahabat saya dari Kuala Muda sebentar tadi telah menyebutkan perkara ini. Jadi ini satu perkara yang amat penting. Sebagai seorang yang bergelumang dan terlibat di dalam perniagaan di private sector, kami tahu berapa pahit untuk menjayakan sesuatu projek yang kita hendak lakukan. Daripada satu negeri ke satu negeri, daripada satu pejabat ke satu pejabat, daripada seorang ketua kepada seorang ketua; bukan sebuah, bukan dua, bukan tiga tetapi makan tahun. Pada hal sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya bahawa private sector mestilah mengambil bahagian yang besar dalam menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga. Dan saya percaya dan yakin bahawa private sector sanggup menyahut cabaran daripada Kerajaan ini tetapi adakah pejabat-pejabat Kerajaan baik di peringkat Federal, di peringkat Negeri, dan di peringkat Daerah telah dibentuk begitu rupa untuk mendokong Buku Hijau ini dan Rancangan Lima Tahun Yang Ketiga ini? Saya tidak mahu hendak mengulang di sini sejauh mana kejayaan Rancangan Malaysia Kedua dan Pertama, kerana tiap-tiap seorang tahu sejauh mana kita telah berjalan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Pertama. Kita tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, membohongkan diri kita dan membuat angan-angan bagaimana yang disebut di dalam peribahasa Melayu: “Angan-angan Mat Jenin”. Jadi, saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kerajaan benar-benar memerhatikan perjalanan Jabatan-jabatan, pejabat-pejabat di semua peringkat yang akan terlibat secara langsung dengan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Ada kalanya sebagai seorang yang duduk dalam private sector nyaris-nyaris tidak percaya bahawa Kerajaan benar-benar hendak menggalakkan industrialisation dalam negeri, kerana begitu payah hendak melaksanakan sesuatu projek ada yang boleh

dibuat di dalam negeri, tetapi diberikan ke luar negeri. Setengah-setengah syarikat yang perlukan pertolongan tidak dapat pertolongan yang syarikat-syarikat itu kehendaki. Adakah ini satu cara kita hendak menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga yang berjumlah lebih kurang \$40 billion? Untuk hendak menjayakan ini selain daripada kita mesti membentuk dan memeriksa segala jentera-jentera yang ada maka satu lagi masaalah yang penting ialah soal political stability dalam negeri kita ini—kesetabilan politik, soal keselamatan yang ada dalam tanahair kita ini. Kita bukan hanya mengharapkan perajurit-perajurit kita yang berjuang di sempadan dan di dalam hutan-hutan rimba menentang bala-bencana daripada kominis tetapi yang lebih penting dalam soal security ini ialah supaya rakyat seluruhnya mengambil bahagian dan untuk rakyat mengambil bahagian, mass-media mesti mengambil peranan yang penting untuk menyampaikan perkara-perkara yang patut dan wajib disampaikan kepada rakyat.

Di sini saya ingin menyentuh satu masaalah. Kami penyokong-penyokong Kerajaan kalau ada peluang di manapun kami berucap menyokong Kerajaan menentang communism, tetapi ucapan-ucapan kita kerana kita agaknya bukan Menteri atau Timbalan Menteri atau Parliamentary Secretary tidak mendapat tempat. Di sini saya boleh tunjukkan ucapan saya di Butterworth baru-baru ini menyokong Kerajaan disiarkan secara besar-besaran di dalam *The Straits Times* Singapura tetapi tidak ada sepetah pun dalam *The New Straits Times* Kuala Lumpur. *Straits Times* ini entah dari mana dia ambil newsnya, saya pun tidak tahu. (Ketawa) Saudara saya Yang Berhormat dari Kuala Muda tadi telah menyebut kalau kita hendak mengetahui hal negeri kita, jangan baca suratkhbar tempatan, baca suratkhbar yang datang dari luar. It is a shame. Malu kita, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Malu?

Tan Sri Syed Jaafar Albar: Malu sungguh. Kalau kita hendak ambil tahu hal keadaan negeri kita maka kita terpaksa melalui mass media yang datang daripada luar negeri. Siapakah yang duduk di dalam mass media di *New Straits Times* itu? Kalau Pengarangnya tidak mengerti apa kehendak kita, buang dia. Kalau Managing Directornya banyak kerja, buang dia ganti orang lain yang lebih

mengerti. Begitu juga di dalam *Utusan Melayu*. Saya terpaksa sebut ini bagi kepentingan negara, Tuan Yang di-Pertua. Dengan adanya kerjasama daripada mass media untuk menyampaikan maklumat yang benar kepada rakyat. Ini akan memberikan keyakinan kepada pelabur-pelabur dalam negeri dan luar negeri untuk melabur dalam tanahair kita ini bagi menjayakan Buku Hijau atau Rancangan Malaysia Ketiga ini. Kita kena mengaku bahawa orang-orang dalam private sector sekarang ini mengambil sikap "wait and see". Apa yang dibuat oleh mass media kita dalam perkara ini? Memburukkan lagi keadaan! Inilah dia, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang penting pada saya untuk kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga. Ialah awal pertama jentera Kerajaan mesti disemak semula dan kedua kesetabilan politik dalam tanahair kita ini, dan yang patut memainkan peranan yang penting dalam perkara ini ialah mass media.

Satu lagi perkara yang saya ingin hendak sambung ialah soal rancangan-rancangan FELDA dalam tanahair kita ini. Barangkali kalau saya mengaku saya authority berkenaan dengan problem-problem yang ada di dalam FELDA, tidak ada orang yang berani mencabar saya hatta pegawai-pegawai FELDA sendiri. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, barangkali tidak ada satu district atau kawasan pilihanraya yang lebih banyak rancangan FELDANYA daripada dalam kawasan saya. Saya berterima kasihlah kepada FELDA. Tetapi FELDA selain daripada membuka rancangan-rancangan tanahnya dalam kawasan saya create so many problems for me, sampai kadang-kadang saya takut hendak melawat kawasan di Rancangan FELDA. Soal sekolah agama, soal jalan dalam Rancangan FELDA, soal harga kelapa sawitnya atau getahnya; semuanya ini adalah problem-problemnya. Saya pernah mencadangkan lama dahulu dalam Dewan ini supaya diadakan satu Suruhanjaya atau sebuah Jawatankuasa untuk menyiasat problem-problem yang ada di dalam rancangan FELDA supaya kita dapat membuat pembaikan-pembaikan yang lebih sesuai pada ketika ini. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, waktu rancangan FELDA kita rancang dahulu; dilancarkan maka perancang-perancang pada ketika itu hanya menimbangkan hendak memberi peluang kepada orang kita supaya dapat jaminan

hidupnya. Itu sahaja. Soal sekolah ke mana; air paipnya ke mana, kesihatannya ke mana; tidak menjadi soal pada kita mulakan FELDA dahulu. Sebab yang kita persoalkan pada masa itu hanyalah perut orang yang lapar, tetapi setelah kenyang perut banyak pula ragamnya, banyak kehendaknya, banyak kemahuannya. Itulah orang tua-tua kita berkata: sudah dapat betis hendak paha. Jadi, inilah yang dikehendakki oleh orang-orang yang duduk dalam FELDA sekarang. Adakah kita dapat menyahut kehendak mereka ini kalau kita tidak periksa dan kalau kita tidak siasat dan cari jalan untuk mengubati keadaan yang ada dalam FELDA, saya bimbang semua rancangan FELDA akan boomerang on us. Ini tabii manusia, Tuan Yang di-Pertua, yang tidak dapat kita hendak lari. Jadi inilah perkara-perkara yang saya fikir penting di dalam menghadapi dan menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga.

Sebagai penutup saya mengingatkan Kerajaan sekali lagi iaitu jentera-jentera Kerajaan hendaklah disemak semula supaya pelabur-pelabur swasta dapat mempunyai keyakinan dan dapat menyejajarkan rancangan-rancangan mereka, jangan kita terpaksa macam kata sahabat saya, tiga empat bulan tidak dapat talipon. Kita bertahun hendak menjayakan satu-satu perkara, menyembah ke sana, menyembah ke mari. Jadi inilah dia, Tuan Yang di-Pertua, yang kita kehendakki dan kita berdoa moga-moga Rancangan Malaysia Ketiga dapat berjaya.

4.30 ptg.

Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan di samping itu suka juga saya memberi pandangan saya yang ikhlas dalam beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menggunakan sepatah dua ayat dalam bahasa Inggeris dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua banyak kemajuan yang berkesan telah dicapai dalam usaha-usaha kita menuju ke arah matlamat-matlamat yang terkandung

dalam Dasar Ekonomi Baru. Kejayaan tersebut telah dicapai walaupun ekonomi negara kita telah dilanda oleh inflasi dan akibat-akibat kemerosotan ekonomi dunia semasa perjalanan Rancangan Malaysia Kedua. Kita patut berasa bangga atas hakikat bahawa ekonomi negara kita makin kokoh dari satu masa ke satu masa. Bukti-bukti untuk menunjukkan kejayaannya telahpun diulaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau dan tidak payahlah diulaskan lagi. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya sedar bahawa kita masih jauh lagi dari mencapai segala cita-cita kita. Dan kita patut juga mengingatkan diri kita bahawa usaha-usaha kita mestilah dilipat-gandakan. Segala kelemahan dan kekurangan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua patut dikaji dan dianalisa dengan sehalus-halusnya dan hasil daripada kajian ini dijadikan panduan kepada kita semua dalam menjalankan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapainya lebih banyak kemajuan dari satu peringkat ke satu peringkat yang lebih tinggi dan dari semasa ke satu masa yang lain kita memerlukan idea-idea yang baharu. Saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan kerana telah berjaya mengemukakan idea-idea yang baharu dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dan tentulah cadangan-cadangan ini adalah berhasil daripada kajian kelemahan dan kekurangan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua. Satu daripada idea yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ialah penubuhan satu tabung pelaburan bumiputra dengan peruntukan permulaan sebanyak \$200 juta dan tabung ini akan memegang sebagai amanah saham-saham yang dikhaskan untuk kaum bumiputra sampai pada satu masa kelak. Cadangan ini sangatlah baik dan tentu akan menambahkan lagi anggaran saham-saham yang akan dimiliki oleh kaum bumiputra secara individu atau perseorangan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka hendak menyentuh konsep penyertaan bumiputra dalam perindustrian dan perdagangan. Adalah menjadi hakikat terutama sekali dalam pergolakan ekonomi kita yang makin sehari makin kompleks bahawa memiliki (ownership) saham syarikat dan pengurusan (management) adalah dua perkara yang berlainan dan berasingan. That is to say, Mr

Speaker, Sir, that ownership and management are two separate issues. To have ownership sometimes even to the extent of 100% does not necessarily mean control over the management of the enterprise, and ownership without effective control over the management is useless. Pada hemat saya, sangatlah penting bahawa kita tidak seharusnya sahaja menitikberatkan hak memilik saham sahaja tetapi macam mana kita faham dalam sebuah ekonomi yang moden dan makin bertambah maju aspek pengurusan dan pentadbiran syarikat-syarikat sama penting dan mustahaknya. Jadi, kesimpulannya, kita mesti dengan sebaik-baiknya jaga pengurusan dan perjalanan tiap-tiap syarikat yang dimiliki oleh bumiputra supaya faedah kepada tiap-tiap individu yang memiliki saham akan terjamin.

Di sini saya suka hendak mengemukakan satu cadangan kepada pihak Kerajaan supaya meluaskan lagi konsep tabung pelaburan bumiputra supaya membolehkan penyertaan penuh kepada bumiputra-bumiputra dari segi pengurusan dan pentadbiran syarikat-syarikat tersebut. Ini boleh dicapai dengan memberi kepada bumiputra eksekutif yang ada pengalaman, yang ada potensi, biasiswa-biasiswa dalam jurusan pengurusan perakaunan dan kursus-kursus professional yang lain di peringkat business school dan post-graduate dan apabila telah tamat kursus-kursus mereka, mereka boleh menjadi sebahagian daripada central pool of qualified and experienced bumiputras dan mereka ini boleh disalurkan kepada syarikat-syarikat yang saham-saham mereka akan dimiliki oleh bumiputra. Dengan ini tentulah lebih ramai bumiputra akan dapat pengalaman dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini saya buat memandangkan kepada kekurangan bumiputra eksekutif yang berkelibar dan yang boleh menjadi pemimpin dalam bidang perniagaan ataupun boleh kita anggap sebagai business leaders.

Bersabit dengan ini saya suka hendak bercakap sedikit berkenaan dengan jenis perniagaan joint-ventures yang makin bertambah banyak. Setakat pengetahuan saya, walaupun telah lama kita mendirikan berbagai-bagai joint-ventures tetapi kita belum lagi dapat mencapai real transfer of technology. Mr Speaker, Sir, in my opinion, the real transfer of technology is the pre-

requisite to achieve durable and lasting economic growth particularly in our modern times when it is quite clear that the exploitation of technology is a catalyst of economic growth. Tiap-tiap negara yang hendak mencapai kemajuan dalam perindustrian dan hendak diiktirafkan sebagai negara yang maju mestilah memperolehi teknologi. Ini sangatlah jelas kalau kita mengkaji pembangunan negara-negara lain seperti negara Jepun, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah. Oleh yang demikian, saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya memastikan bahawa di dalam tiap-tiap joint-venture agreement that the real transfer of technology will be achieved within the shortest possible time. Saya harap juga bahawa badan-badan berkanun seperti PERNAS dan Lembaga-l lembaga Kemajuan akan dapat mencapai dan memperolehi pengetahuan teknologi dengan kadar secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada perkara-perkara yang lain, saya sangatlah bersukacita bahawa pihak Kerajaan akan menguatkan lagi jentera perancangan di peringkat negeri-negeri dan juga akan memperkokohkan dan menyelaraskan lagi perhubungan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Kedua-dua tindakan tersebut sangatlah kena pada tempatnya memandangkan kepada kejadian-kejadian yang telah berlaku, terutama sekali dalam mengatur projek-projek yang akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah menjadi satu hakikat bahawa jentera perancangan di peringkat negeri tidak begitu memuaskan. Pada hemat saya mereka di peringkat negeri tentulah akan mengetahui kedudukan dan keperluan rakyat di negeri-negeri kita dan saya sangatlah menyokong cadangan Kerajaan hendak menguatkan lagi yunit perancangan peringkat negeri. Kadangkala kita juga telah mendengar bahawa pihak Kerajaan Negeri telah menolak pemberian wang ringgit yang lebih daripada Kerajaan Pusat dengan alasan bahawa mereka tidak tahu apa dia projek yang boleh dikendalikan. Ini disebabkan kekurangannya proper planning dan tidak syak lagi kepada kita semua bahawa fungsi yunit perancangan amatlah penting dan dengan adanya satu yunit yang dilengkapi dengan pegawai-pegawai yang mencukupi dan berpengalaman tentulah projek-projek dan rancangan-rancangan dapat disusun dengan kemas dan selaras dengan keperluan rakyat di tiap-tiap

kawasan. Begitu juga dengan jentera pentadbiran yang lain di peringkat Negeri patut juga diperkuatkan lagi dan di mana-mana tempat yang difikirkan lemah saya harap pihak Kerajaan akan menambahkan lagi bilangan-bilangan pegawai-pegawainya.

Berkenaan dengan pengambilan pegawai-pegawai baru saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sistem pengambilan kita tidaklah begitu memuaskan. Saya akui bahawa negara kita mempunyai jentera pentadbiran yang sangat baik kalau dibandingkan dengan negara-negara lain yang sedang maju tetapi kita tidaklah patut memeluk tubuh badan kita tetapi sebaliknya berikhtiar untuk memperbaiki lagi apa sahaja yang boleh diperbaiki lagi.

Dalam sistem pengambilan kita kalau sekiranya satu-satu pejabat memerlukan pegawai-pegawai yang baru mereka terpaksa berhubung perkara ini dengan pihak Perbendaharaan dan seterusnya kepada Pejabat Perkhidmatan Awam dan kadangkala permohonan daripada pejabat-pejabat tersebut mengambil masa yang terlalu panjang, kadang-kadang sampai 2-3 tahun. Saya juga difahamkan sampai hendak seorang peon baru satu kertas kerja yang lengkap mesti disediakan untuk disemak oleh pejabat-pejabat lain. Jadi kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, pengambilan pegawai-pegawai baru untuk pejabat-pejabat Kerajaan kita adalah 3 tahun lewat daripada apa yang diperlukan pada masa ini.

That is to say, Mr Speaker, Sir, our intake of new officers and workers is roughly three years behind time from what is required today. Instead, we should be three years ahead and we should strive for better forward planning so that our projects and our administration can be improved further.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya menyentuh berkenaan dengan masalah Pejabat Tanah. Saya sedar bahawa perkara ini sering kali dibangkitkan di Dewan ini dan saya sedar juga bahawa untuk memproses sesuatu permohonan banyaklah perkara-perkara yang patut diuruskan. Namun demikian, saya merayu kepada pihak Kerajaan kalau dapat mengambil tindakan yang lebih berkesan lagi untuk memperbaiki lagi pentadbiran di Pejabat-pejabat Tanah.

Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, seumpama dalam Negeri Pahang saya sendiri

pihak Kerajaan hanya memproseskan permohonan-permohonan tanah yang dibuat pada tahun 1969 dan kalau keadaan ini tidak berubah ini akan bermakna bahawa permohonan-permohonan yang dibuat pada tahun ini (1976) hanya akan diluluskan pada tahun 1983. Pada hemat saya masalah tanah sangatlah penting terutama sekali dalam usaha-usaha kita untuk membangunkan lagi kawasan-kawasan pendalaman dan terpencil. Jadi, pada mereka yang dapat tanah mereka bolehlah berusaha untuk menampung pendapatan mereka. Oleh yang demikian, saya berharap bersungguh-sungguh bahawa pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang lebih efektif dan berkesan untuk memperbaiki lagi masalah pentadbiran permohonan tanah ini.

Di sini suka saya menarik perhatian Dewan ini kepada perenggan 20 dalam Buku Hijau Rancangan Malaysia Ketiga yang telah juga dibangkitkan oleh satu-dua Ahli Yang Berhormat yang lain. Mengikut angka-angka di dalam perenggan ini jelaslah bahawa kita masih jauh lagi daripada mencapai matlamat kita, iaitu untuk menyusun semula masyarakat kita. Mengikut angka-angka di dalam perenggan ini bahawa jumlah keluarga-keluarga yang miskin mengikut pecahan kaum ialah seperti berikut:

74% adalah terdiri daripada orang Melayu;

17% orang China; dan

8% orang India.

Mengikut perhitungan kepada angka-angka tersebut jelaslah bahawa rancangan-rancangan Kerajaan bukanlah sepertimana yang telah ditubuh oleh pihak Pembangkang ialah untuk kepentingan satu kaum ataupun satu golongan rakyat sahaja. Kita patut sedar bahawa di dalam sistem ekonomi terbuka (a free enterprise economy) pihak ataupun kaum yang ketinggalan akan lebih jauh ketinggalan sekiranya tidak ada pertolongan yang khas untuk mereka.

Those who are left behind particularly in a free enterprise economy have an uphill battle merely to keep pace with the growth in the economy. What more if they wished to improve their relative position? Working hard is not sufficient and special care and attention need to be given to them. In our growing economy, there is utterly no need for

any one to feel deprived for there will be plenty for all communities in this country.

Saya sangatlah menyokong kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa keutamaan yang tinggi patut diberi kepada perkembangan dan pemodenan sektor pertanian di mana terdapat sebahagian besar mereka yang miskin dari semua kaum dan jumlah yang tinggi sebanyak \$4.7 ribu juta akan dibelanjakan untuk sektor ini. Pihak Kerajaan juga telah melahirkan konsep membandarise kawasan luar bandar. Perlaksanaan konsep ini akan menjadi perhitungan rakyat jelata sebab konsep ini sangatlah menarik hati kita semua. Untuk memajukan konsep ini pihak Kerajaan telah menjalankan rancangan-rancangan yang besar seperti Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah.

Di dalam kawasan saya terletak projek Pahang Tenggara, iaitu satu projek yang terbesar sekali di Malaysia dan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga akan diperuntuk lebih daripada \$400 juta, iaitu lebih kurang 20% daripada peruntukan untuk Negeri Pahang. Setakat ini banyak kemajuan telah dicapai dan banyak bandar-bandar baru akan didirikan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Namun demikian, saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya mempercepatkan lagi pembinaan infrastruktur yang telah memakan masa yang lebih daripada yang dijangkakan. Saya juga difahamkan bahawa jentera-jentera dan trektor-trektor untuk pembinaan jalanraya tidak digunakan sepanjang hari malah dibiarkan sahaja di tepi jalanraya yang masih belum siap lagi. Saya harap pihak Kerajaan akan dapat membetulkan perkara tersebut.

Berkenaan dengan pembinaan bandar-bandar baru saya harap juga ini dapat dipercepatkan oleh sebab masaalah setinggian telah timbul di kawasan projek Pahang Tenggara ini.

Saya suka juga hendak menyentuh berkenaan interpretasi ataupun maksud konsep membandarise ini. Pada hemat saya bukanlah tujuan Kerajaan untuk mendirikan bangunan-bangunan yang terlalu indah dan permai seakan-akan dengan bangunan-bangunan yang terdapat di kawasan bandar yang maju tetapi sebaliknya untuk mendirikan bangunan-bangunan yang memadai dengan keadaan di kawasan itu. Jadi kalau kita mendirikan bangunan-bangunan yang terlalu

cantik dan indah, ini bukan sahaja bermakna akan memakan perbelanjaan yang tinggi, tetapi juga apabila kita hendak menyewakan bangunan-bangunan tersebut kepada peniaga-peniaga bumiputra, mereka tentulah tidak akan mampu sewa-sewa yang akan dikenakan oleh sebab perniagaan mereka belum begitu maju lagi dan menunggu pembangunan bandar yang baru akan mengambil masa.

Menyentuh berkenaan dengan perusahaan hasil bumi ataupun resource based industry, saya sangatlah bersetuju dengan pendirian pihak Kerajaan bahawa Malaysianisation mestilah dijalankan dengan secepat mungkin. Perkataan Malaysianisation bukanlah bermakna nationalisation. Syarikat-syarikat asing tidak patutlah bimbang bahawa kita tidak sekali berhajat hendak nationalise sebarang perindustrian tetapi kita hanya berhajat hendak memastikan bahawa negara kita ini akan menerima pembahagian yang adil daripada pengeluaran perusahaan hasil bumi. Kita semua sedar bahawa syarikat-syarikat asing dalam perusahaan bijih timah umpamanya telah kita lama memperolehi keuntungan yang amat besar dan kebanyakan daripada keuntungan ini tidaklah direinvest di dalam negara kita ini tetapi dihantar keluar negeri cara dividend, remittances dan lain-lain cara. Ini amatlah merugikan negara kita tambah lagi hasil bijih timah merupakan satu hasil bumi yang akan habis pada suatu hari kelak. Oleh hal yang demikian, saya suka hendak menggesa pihak Kerajaan supaya menentukan bahawa tidak kurang daripada 70% saham-saham syarikat bijih timah akan dimiliki oleh negarawan Malaysia dengan secepat mungkin dan saya harap juga dalam perkara ini that there will be no compromise.

Akhir sekali, saya suka hendak melafaskan sokongan saya yang penuh kepada usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya penuh keyakinan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga akan memberi banyak kebaikan dan menafaat kepada semua lapisan dan golongan rakyat Malaysia dan akan mengeratkan lagi perpaduan di kalangan rakyat di negara kita ini.

4.53 pm.

Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang saya

berucap dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan kerana Rancangan Malaysia Ketiga ini dilahirkan dalam suasana negara sedang menghadapi ancaman komunis, maka saya bercadang menumpukan pandangan saya sebanyak-banyaknya dalam soal ini. Inipun sesuai dengan apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Rancangan Malaysia Ketiga adalah bertujuan mencapai perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta memperkokohkan lagi keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara pada pendapat saya merupakan faktor yang amat penting bagi menentukan samada berjaya atau tidak Rancangan Malaysia Ketiga ini, kerana hakikatnya segala usaha dalam rancangan pembangunan hanya boleh dilaksanakan dan tercapai maksudnya kiranya ada kesetabilan politik atau keselamatan negara seluruhnya terjamin. Dalam melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan dan rakyat seluruhnya mestilah memahami dengan serious dan sedalam-dalamnya iaitu ada golongan yang bukan sahaja tidak bersetuju dengan rancangan sebegini, tetapi akan menentang dan berusaha supaya rancangan ini gagal. Dengan lain-lain perkataan supaya rakyat yang mengharapkan faedah daripada rancangan ini akan keciwa dan frust dan hilang kepercayaan sama sekali kepada Kerajaan. Saya harap pihak Kerajaan tidak memandang kecil perkara ini tetapi sebaliknya akan membuat persediaan-persediaan bagi menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang bakal terbit dalam masa rancangan ini berjalan dan tindakan yang tegas mesti diambil terhadap sesiapa juga yang menyeleweng tanpa mengira pangkat dan kedudukan mereka. Saya tidak berniat hendak menyentuh ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, tetapi bercakap mengenai ancaman komunis, maka saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang ada sebanyak sedikit membayangkan falsafah partinya iaitu Parti D.A.P. dan dibuat dalam masa negara kita diancam komunis. Maka saya ingin memetik di sini apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu yang saya rasa hampir senada dengan suara Revolusi Parti Komunis Malaysia :

"Let there be no mistake", kata Yang Berhormat itu, "that the communists represent an appeal to the other classes and group who could find no meaningful alternative to change and reform the present system of its corruption, nepotism, vested-interests and authoritarian rule."

Hujjah-hujjah dan tuduhan-tuduhan yang sebegini saya bimbang dapat menolong menyebarkan dakyah Parti Komunis dalam negara ini. Bukanlah kerana kesedaran kepada kedudukan yang tidak seimbang antara kaum yang sudahpun diakui oleh semua pihak merupakan matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dan perlaksanaan dasar ini akan berjalan dalam sistem democratic yang dipersetujui oleh rakyat Malaysia sebagaimana terbukti dalam Pilihanraya-pilihanraya Kebangsaan khususnya Pilihanraya tahun 1974. Demokrasi bukannya authoritarian ataupun totalitarian menjadi konsep pemerintahan kita. Marilah kita bersama-sama pertahankan dasar demokrasi ini dan janganlah kerana sebab-sebab kekeciwaan, umpamanya, di dalam pilihanraya-pilihanraya maka kita bertindak dan mendedahkan diri kita kepada anasir-anasir yang sentiasa menunggu hendak menghancurkan sistem demokrasi dan menggantikan dengan sistem authoritarian, fascist atau communist.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga adalah merupakan kesedaran dan pengakuan bahawa keadaan yang tidak seimbang hampir dalam segala segi masih merupakan sifat masyarakat Malaysia hari ini. Dari itulah timbulnya hasrat membasmi kemiskinan dan memperseimbangkan kedudukan antara kaum dalam masyarakat Malaysia. Dengan lain-lain perkataan, kepincangan dalam masyarakat Malaysia diakui dan kepincangan ini terdapat dalam component-component kaum yang diwarisi dari pemerintahan divide and rule oleh penjajah dahulu. Ini adalah facts and reality dan Malaysia membelakangkan facts and reality ini usaha memperseimbangkan dengan keadilan kedudukan rakyat Malaysia samalah dengan membelakangkan sejarah dan hasilnya pastilah kegagalan dan kehancuran.

Saya ingin menarik perhatian di Dewan ini bahawa Parti Komunis Malaya telah mengisytiharkan pada suatu masa dahulu, dan saya quote :

"Pengalaman dalam revolusi dari semenjak 45 tahun yang lalu berkali-kali membuktikan bahawa jalan atau cara mengepung bandar dan pekan melalui desa di luar bandar dan menawan kuasa politik melalui kekuatan senjata adalah merupakan satu-satunya jalan yang benar bagi perjuangan revolusi dalam negeri ini dan jalan atau cara ini amatlah mustahak dipegang dengan teguh dalam keadaan dan suasana apapun juga."

(Tuan Azahari bin Md. Taib *memberikan Mesyuarat*)

Adakah siapapun boleh merasa syak lagi atas tujuan perjuangan Parti Komunis Malaya ini? Bagaimanapun, Tuan Yang Dipertua, di samping memperkuat Angkatan Bersenjata maka jangan sama sekali kita melalaikan taktik mereka iaitu taktik kominis, yang satu lagi, iaitu melalui subversion dan infiltration yang merupakan senjata yang amat berkesan sekali dalam perjuangan mereka. Bukti-bukti yang terang dan nyata sekali terutama kepada kita di Malaysia ialah bagaimana apa yang terjadi kepada Presiden Sukarno yang pada suatu masa disanjung setinggi-tingginya oleh rakyat Indonesia sebagai Bapa dan Pemimpin mereka. "Sukarno was never a communist himself" according to Arnold Brakma in his book "The Communist Collapse in Indonesia". "He is merely a neo-fascist dictator allied to Moscow and Peking as it suited his interest. As Sukarno himself defined politics: "Politics is a game of survival". "Sejak pemberontakan Madiun 1948 Parti Komunis Indonesia telah mengubah taktiknya daripada konfrontasi terhadap Sukarno kepada menawan dan memikat dengan menggunakan kelemahan-kelemahan idiosyncrasies dan egoism Sukarno sehingga Sukarno fell completely and hopelessly under their thumb, sebagaimana yang terbukti pada malam 30hb September, 1965 dengan apa yang dikenal Peristiwa Gestapo itu. Peristiwa tersebut telah membongkarkan segala rancangan Parti Komunis Indonesia (PKI) yang sebegitu tersusun, subtle and cunning yang telah membawa Indonesia yang sepatutnya menjadi salah sebuah negara yang paling kaya dan kuat berdasarkan kepada jiwa politik dan kekayaan semula 'a population and abundant wealth, kepada sebuah negara yang hampir bankrupt, kucar-kacir ekonominya dan menyebabkan rakyat-

nya menderita dan terus-menerus berkecoh dan terdedah kepada revolusi yang berpanjangan (permanent revolution) yang menjadi motto kepada Parti Komunis Indonesia yang dilaungkan dan disuarakan oleh Sukarno. Dalam kejadian gestapo itu juga terbukti bahawa tidak ada sesapa yang boleh mengecil-kecilkan kebolehan kominis atau mensifatkan mustahil kominis dapat mempengaruhi seseorang yang berkedudukan penting walaupun sebagai pemimpin negara. Pendeknya lagi penting kedudukan seseorang lebih-lebih lagi mereka yang memegang teraju-teraju dan peranan-peranan penting negara termasuk keselamatan dan pertahanan, mereka inilah yang merupakan target utama kepada parti kominis.

Selain dari Sukarno beberapa orang Menteri lagi terlibat termasuk Menteri Luar Negeri, Dr Subandrio yang menjadi tangan kanan kepada Sukarno, Menteri Kewangan Yusof Muda Dalam juga pegawai-pegawai tinggi dalam Kementerian-kementerian, Pegawai-pegawai Tinggi Polis Angkatan Tentera termasuk Air Marshall Omar Dani, Kepala Staff Angkatan Tentera Udara Indonesia juga, Kepala Pengawal Peribadi Sukarno sendiri. Colonel Untong telah diperalatkan oleh Parti Komunis. Soal di kepala kita sekarang ialah peristiwa yang berlaku di Indonesia itu, apakah mustahil boleh berlaku di sini. Sebaliknya memandang kepada perjuangan Parti Komunis Malaya sebegitu lama, kemungkinan besar memang ada. Hanya sanya sebagai rakyat biasa, kita masih belum mengetahui sejauh mana dan seluas manakah mereka telah berjaya menyebarkan jala mereka dan kepada siapakah yang telah terjebak samada disedari atau tidak disedari yang telah menolong menyebarkan dan mengukuh fahaman dan perjuangan kominis di negara kita. Jika kejadian di Indonesia boleh dijadikan sebagai satu criterion atau barometer maka harus boleh dijumpai orang-orang ini dalam segala lapisan masyarakat dan memegang jabatan-jabatan atau memainkan peranan-peranan penting yang termasuk di dalam master plan Parti Komunis Malaya dalam menakluk negara ini. Janganlah kita menipu diri kita sendiri (*Hear! Hear!*) atas kezaman dan kebolehan bahkan kebijaksanaan Parti Komunis Malaya to infiltrate and to subvert manusia dari serendah-rendah kepada setinggi-tinggi pangkat seperti apa yang berlaku kepada Sukarno di Indonesia.

Juga yang perlu diberi perhatian yang berat dan serious ialah bagaimana dan dari manakah bantuan-bantuan baik dari dalam mahupun dari luar yang diterima baik berupa kebendaan atau nasihat sebagaimana yang diterima oleh Aidit dan Parti Komunis Indonesia sehingga berani mencetuskan pemberontakan Gestapo 30 September, 1965 yang curtainnya bermula dengan pembunuhan 6 orang jeneral dan berakhir dengan bergulungnya curtain gestapo yang mengorbankan berjuta rakyat dengan kehancoran Parti Komunis Indonesia sendiri. Parti Komunis Malaya yang ada pada hari ini telah begitu berani dan nekad hendak menggulingkan Kerajaan by hook or by crook sebagaimana yang saya katakan tadi telah mendapat inspirasi dari kemenangan rakan-rakan mereka di Semenanjung Indo-China dan dari pengalaman dan pengajaran daripada perjuangan Parti Komunis Indonesia. Mereka akan mencuba menggagalkan Rancangan Malaysia Ketiga sebagaimana mereka telah mencuba hendak menggagalkan Rancangan Lebu Raya Timur-Barat. Janganlah dianggap mustahil kiranya terbit keadaan-keadaan seperti industrial unrest termasuk permogokan, demonstrasi-demonstrasi dan penyelewengan-penyelewengan baik di peringkat Pusat atau di peringkat Negeri dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini oleh kunci-kunci ataupun oleh apa yang di panggil "fellow-travellers" yang ditanam di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan penting. Mereka akan berusaha sedaya upaya memecahkan perpaduan dan keharmonian hidup rakyat Malaysia dan mereka akan melaga-lagakan antara satu kaum dengan kaum yang lain, juga antara satu golongan dengan golongan yang lain di dalam satu-satu kaum itu. Mereka akan menonjolkan dan mengapi-apikan semangat fanatisme dan chauvinisme satu-satu kaum dengan berbagai-bagai helah dan rupa dan cara dengan gambaran layanan-layanan Kerajaan yang tidak adil dan sebagainya.

Saya percaya dalam perjuangan ini mereka akan cuba mengelakkan daripada berulangnya pengalaman Aidit dan Parti Komunis Indonesia itu. Ini sepatutnya telah menjadi perhatian yang bersungguh-sungguh oleh pihak kita. Mereka telah menggunakan ugama seperti yang sudahpun terdapat dan sedang merebak di Malaysia hari ini, terutama ugama Islam bagi memecahkan benteng perpaduan yang selama ini kukuh

yang menyekat kemaraan mereka. Mereka cukup sedar bagaimana besar pengaruh dan kesan ugama terutama Islam kepada perpaduan orang-orang Melayu dan sebaliknya perpaduan itulah kekuatan dan kekuatan itu concrete dan solid dalam masyarakat Melayu. Mereka sedar bahawa mereka akan berjaya memecahkan perpaduan orang-orang Melayu hanya dengan memainkan peranan di dalam pengajaran dan perkembangan ugama Islam. Dari itulah maka mereka sanggup menyeludup dan berselindung di sebalik jubah dan serban sebagaimana yang berlaku di Indonesia semata-mata untuk mengelirukan, memecahkan dan membantutkan semangat pengikut-pengikutnya. Dalilnya sudah ada, ajaran yang sebegini hari ini di mana pengikut-pengikut mereka mengenyepikan sama sekali kebendaan dan hanya menumpukan kepada bekalan dan amalan untuk akhirat semata-mata dan bukan sahaja setakat itu tetapi mereka akan menentang apa sahaja yang dibuat oleh Kerajaan walaupun demi kepentingan rakyat termasuk mereka sendiri. Mereka inilah yang akan termasuk dalam golongan-golongan yang akan menggagalkan Rancangan Malaysia Ketiga dan akan menjadi alat kepada Parti Komunis Malaya, bahkan bukan sahaja mereka akan menarik diri dari perlumbaan untuk mencapai taraf hidup yang kita kehendaki, tetapi mereka akan merupakan faktor yang akan menyebabkan perpecahan dan percakaran sesama sendiri dengan secara tidak langsung akan melumpuhkan pembangunan dan kekuatan negara kita.

Satu lagi faktor yang akan dimainkan oleh mereka selain dari faktor ugama adalah faktor perkauman. Mereka menghasut dan menyalakan api perkauman supaya jangan lahir perpaduan kerana perpaduan, kerjasama dan keharmonian antara kaum sebagaimana yang kita maksudkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya tegaskan perkara ini dan saya bawa contoh-contoh daripada Indonesia ialah kerana saya rasa bahawa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga tidak akan berjaya, jika sekiranya masalah-masalah ini tidak dihadapi dengan seriusnya dan saya percaya pihak komunis yang sedang mengancam kita pada hari ini akan menggunakan segala usaha dan ikhtiar untuk menggagalkan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Dan dengan sebab itulah saya sengaja di dalam ucapan saya menyokong

kong Rancangan Malaysia Ketiga ini menumpukan sepenuhnya kepada ancaman komunis ataupun masalah keselamatan, kerana inilah yang saya rasa masalaah yang paling besar sekali yang mesti dihadapi oleh Kerajaan dan Kerajaan mesti tegas. Kalau tidak, bukan sahaja Rancangan Malaysia Ketiga akan gagal, tetapi segala cara hidup, Kerajaan, negara dan bangsa kita juga akan hancur. (*Tepuk*).

5.10 ptg.

Datuk Peter Lo Su Yin (Gaya): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I join those Honourable Members who have spoken before me from this side of the House in complimenting the Government for having produced a very comprehensive and well-balanced Report on the Third Malaysia Plan. It is clear when dipping into the Report—and that is all one can do within the time imposed on us—that it is a product of much labour and planning and one that reeks of midnight oil being burnt by those engaged in the preparation of this important document.

Sir, it is gratifying to note that the Plan, as in the case of the previous one, provides for more and more land to be opened up for economic development. As a logical extension of this programme, the Plan also provides for more agro-based industries to be set up in centres where they are expected to produce the greatest benefit to the greatest number. This aspect of the Plan is to be especially welcomed in Sabah and Sarawak as a means of further strengthening the economic base of each of the two eastern States, and as a means of providing employment opportunities as well as ownership of land and property for our people there. As is generally known, agro-based industries are very important for the two states since other types of industries, especially those in the manufacturing sector, can hardly be made viable, economically, due to various constraints which tend to inhibit growth.

Although, Mr Speaker, Sir, agriculture is a State subject for Sabah and Sarawak, and hence the responsibility of opening up lands for cultivation and planning purposes rests with the two States, the effort put in by them can only be successful in a significant way if they have the active support and assistance of the Central Government. This support and assistance can, and should take the form

of tax and export duty incentives for primary produce such as palm oil. I am told that, as a result of the somewhat hefty increase in export duty being made to apply to Sabah on this particular commodity some 2 or 3 years ago, when it was introduced as part of the harmonisation exercise, potential investors are shying away from the development sector. If what I have said is correct, and I am assured that it is, it would seem that there is a very strong case for requesting the Government to take another fresh look into the matter and to make such adjustments to the duty imposition as are necessary in order to encourage the investors to come forward. If this request is complied with, we may yet present a measure which had been introduced for the purpose of earning additional revenue, from becoming counter-productive. Further, as the Plan has been formulated on the basis of certain assumptions, one of which is that the private sector will be called upon to play a major role in investment programmes, we must ensure that those assumptions do not go too far wrong.

Sir, I am gratified to note, too, that Sabah is getting quite a big chunk of money for the construction of trunk roads. These trunk roads will help to open up the country as a whole and also help to bring our people of all strata of life closer together. This is entirely in line with the concept of the Plan. But trunk roads alone are not enough: they only make it easier for the urban people to travel from one place to another and precious little else, in the context of the overall scheme of things for national unity. It is true that trunk roads are an absolute necessity in the commercial sense and a pre-requisite for modernisation of our society. But if the theme of the Rt. Hon. Prime Minister's speech is to become tangible in more senses than one, then we must have feeder roads to serve the kampungs as well. In this connection, I am rather disappointed to see that under the Plan, no provision has been made for the construction of such roads. This is of some surprise to me for unless we have such roads. I fail to see how our people living in the kampungs, particularly those in the remote areas, can ever hope to improve their standard of living, let alone giving them a better quality of life in the universal sense. I therefore urge the Government to make revision to the Plan in this respect, and in

the process, also make provision for schools, medical clinics and rural electrification facilities to be set up in those areas where the need is most keenly felt. I am bound to say, Sir, that unless we have feeder roads, and lots of them, rural poverty must remain an intractable problem.

Mr Speaker, Sir, one of the more important aspects of the Plan is the aim to create conditions which would conduce to better understanding between our people in the east Malaysian States and those in the west Malaysian States. This is a most desirable objective as the Federation becomes more self-reliant. In a world torn by strife, whether within a particular country itself, or as between one state and another state, or even a multiplicity of states, the need for better understanding and tolerance among our own people is a sacred task with which all Malaysians should be concerned. I think the task can be accomplished in many ways. One way is to provide for more exchange scheme at all levels of social and economic life. For instance, we should try to promote a greater flow of our people from the east to the west Malaysian States and *vice versa*. There should be an exchange of officers scheme within the Civil Service at the district and headquarter levels. This exchange scheme was first given its impetus soon after Malaysia came into being and as far as I am aware the scheme was an unqualified success. But somehow for one reason or another, the scheme has slowed down, if not fizzled off altogether. The scheme should be reinstated. Another way of helping to achieve this objective—the objective of greater integration, that is—is to make the cost of travelling between the States of Sabah and Sarawak and those in West Malaysia, a lot cheaper than it now is. In this connection, I am sad to say that not only this cost has not been reduced but it has actually been increased and that by a huge sum representing 15% of the fare as then in force. In my opinion, the increase is a retrograde step from the point of view of which I have been speaking. Already I can see that people are not travelling as often as they might have done if the fare had not been increased. That apart, it takes some explaining to do to the people as to why the increase was necessary in these days of inflation. Also, as an oil producing country, perhaps not aviation oil as such, our people are bound not to take too kindly to the increase.

Mr Speaker, Sir, the Plan calls for a total commitment of all our people to make it a success so that our nation will become more united, more peaceful, and more prosperous. This is a sentiment which all loyal Malaysians must endorse, not only by merely mouthing platitudes but also by taking positive action of one kind or another. But for the objectives of the Plan to be better known and appreciated as such, we need to give them the widest publicity possible. This should be done, and is in fact being done, through the media of the Press and the radio and the TV. In West Malaysia, the publicity given in this respect is rather extensive—and indeed impressive. But for Sabah, the coverage is quite inadequate. I refer, in particular, to the lack of publicity given in the radio and the TV. While these communications media give adequate coverage of all national and state news in Bahasa Malaysia, there is very little news on all aspects of Governmental affairs given in the Chinese language in the radio and none at all in the TV. As a result, many of our people—I mean Malaysians of Chinese origin—have little or no idea as to what is going on most of the time in the nation, still less what the Plan is all about. Again, this is a pity. We have the facilities for informing our people through this type of mass media and yet we do not make full use of them. The pity is all the greater when it is remembered that only very recently, our Prime Minister had cause to give short shrift to the vicious nonsense uttered by many, perhaps in a surreptitious way, that the Plan was only to benefit the Malays. So, I hope that the Honourable Minister for Information will take note of what I have said. We in Sabah do not ask for more radio time for Chinese programmes over and above that given, for example, in Sarawak. All we ask for is equal time, equal treatment and equal opportunity. As regards TV programmes, the time has come for both Sabah and Sarawak to be given the opportunity to enjoy the same type of Chinese programmes as are given in West Malaysia.

On education, Mr Speaker, Sir, we are happy to note that, under the Plan, more money will be spent for building schools and for training teachers in the Bahasa medium. This is a step in the right direction, and one which we wholeheartedly support. Recently we had occasion to welcome the extension of

the Education Act to Sabah. With the extension of the Act to the State, we certainly do need more Bahasa-trained teachers—really good ones, I mean. This is not intended as a slur on the Bahasa-trained teachers there. The fact is some of these teachers are not quite up to the mark when it comes to teaching in the national language. The fault is not really theirs; it is just that the training they have received is not intensive enough due to the time factor or otherwise.

Speaking of the Education Act, Sir, I have heard complaints being made here and there in Sabah about the requirement of teaching in the Bahasa medium in the Government-aided Chinese Middle Schools. The complaint is made that as these Middle Schools are largely intended to turn out teachers for the Chinese Primary Schools, the requirement under the Act has the effect of rendering the task nugatory. Here again, I would ask the Government if it is at all possible to allow certain relaxation of the requirement, bearing in mind, too, that there are very few of these aided schools now in existence in Sabah.

In expressing as I have done my views in regard to the operation of the Act in question vis-a-vis the Chinese Middle Schools, I hope my intention will not be misconstrued. I can assure the House that there is no communal sentiment in those views, nor do I intend that they should be so.

Finally, Sir, may I touch on the question of Sabah representation at the Federal level of Government. This is a subject which is not exactly unallied or irrelevant to the matter under discussion. On the contrary, I think the subject is entirely germane and should be raised. For some time now, Sabah appears to have been under-represented in the Central Government. Comparisons are always odious, but I think I may be forgiven for doing so in this case. Whereas Sarawak has 2 full Cabinet Ministers (and until two years ago 3), Sabah has only 1 in the Government. Sarawak has also 2 Deputy Ministers, 2 Parliamentary Secretaries, and if I am not mistaken, 2 Political Secretaries including one for the Prime Minister. We have none in any one of these capacities. If I may say so, with great respect to the Rt. Hon. Prime Minister, the picture somehow does not appear to be well-balanced. In fact, to be quite frank, again with great respect to the

Rt. Hon. Prime Minister, Sabah has been left out in the cold for too long. Now that the two major political parties in Sabah have been accepted into the Ruling Party as members, I hope consideration can now be given to permit Sabah to play her full part as a constituent State at the Federal level of Government. This is all the more necessary in view of the recent changes made to the Federal Constitution.

Similarly, Mr Speaker, Sir, Sabah and Sarawak do not appear to be in anyway represented in His Majesty's Overseas Service. It is true that an illustrious son of Sabah, who is no longer with us in this world, was once serving for a spell of time as His Majesty's Representative in a particular country, and he had done so with distinction. But his service would appear to be the result of an appointment which was made more or less on a personal basis. All in all, therefore, I would urge the Government to give the matter the consideration it deserves. As with the Plan, the aim of which is inspired by a desire not only to be fair but also to be seen to be fair, we must try to present an image of a truly united nation to the world at large, and this is an opportunity whereby an image of this nature may be availed of with advantage.

Sir, I support the Motion.

5.28 ptg.

Tan Sri Datuk Haji Mohamed Said bin Keruak (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut bersama menyokong Rancangan Malaysia Ketiga yang mana telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan dikemukakan Rancangan Malaysia Ketiga ini boleh dikatakan mendatangkan kebahagiaan dan perpaduan bagi seluruh rakyat Malaysia. Inilah yang kita tunggu-tunggu daripada masa-masa yang telah lampau.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kedua yang mana kita telah dan mengalaminya dan kita telah ketahui bagaimana kesulitan-kesulitannya. Rancangan ini kalau kita perhatikan dengan sebenar-benarnya adalah telah dikemukakan di dalam bandar-bandar sahaja bukannya di luar bandar. Tetapi pada Rancangan Malaysia Ketiga ini yang kita telah nampak isi kandungannya, bukunya cantik, isinya cantik dan rakyat mengharap-harapkan akan dapat menerima dan dapat dilaksanakan dengan memuaskan.

Apa yang kita harapkan, Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini dapat diteruskan dengan begitu licin, tetapi kalau rakyat belum dapat dipersetuju-padukan, dan belum dapat bersatu fahaman di antara satu kaum dengan satu kaum, maka kegagalan saya fikir akan berlaku dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Sebagaimana yang telah diterangkan tadi, terutama sekali isi kandungan yang cantik, wang yang banyak telah disebut-sebutkan, yang rakyat idam-idamkan siang dan malam untuk menerimanya, tetapi perlaksanaannya kalau tidak diawasi dengan sebaik-baiknya, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semuanya seperti sungai yang tidak berhulu. Ini seolah-olah menunggu hujan dari langit, guruh sahaja berbunyi tetapi hujan tidak turun. Jadi dengan itulah saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, patutlah diawasi dengan sebenar-benarnya rancangan ini, terutama sekali rakyat mesti dipersatu-padukan, tentulah tidak dapat dipersatu-padukan kalau tidak dijalankan dengan kejujuran dari hati ke hati sebagai seorang pemimpin ataupun pemimpin-pemimpin itu mestilah bersatu dengan betul-betul jujur dan menunjukkan kepada rakyat semua dan rakyat akan menerima segala rancangan ini. Jadi, Pegawai-pegawai yang melaksanakan ini di harap berhati-hati menjalankan dengan baik supaya dapat disampaikan kepada rakyat, daripada Kerajaan kepada rakyat dan daripada rakyat kepada Kerajaan supaya rakyat menikmati semua kandungan yang ditunjukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita ketahui bahawa pegawai yang benar-benar berkebolehan sangat kurang kalau memandangkan atas rancangan sebegini banyak, kakitangan atau pegawai begitu kurang dan kurang mahir dalam pentadbiran tentu kegagalan juga akan kita dapat terima. Jadi, dengan itu kita harap supaya pegawai itu ditambah di mana-mana kawasan ataupun di negeri-negeri di dalam Malaysia ini kerana kita ada 13 buah negeri dan ada setengah-setengah negeri itu kekurangan pegawainya di tiap-tiap peringkat. Dengan sebab itu, timbul kegagalan kalau bebanan sangat berat kepada seorang pegawai, maka tentulah pegawai tidak dapat meneruskan tugas mereka dan bermacam-macam tuduhan dijatuhkan kepada pegawai-pegawai itu. Maka pegawai-pegawai dan kakitangan

kita yang meneruskan rancangan itu untuk menyampaikan kepada rakyat, tetapi kalau beban sangat berat, apa lagi kalau pegawai gajinya sangat kecil dan tidak mencukupi, mereka memikirkan sara hidup anaknya di rumah dan juga dapat kemaharan daripada rakyat tentu pegawai ini menggelisah dan mencari ikhtiar yang tidak akan memuaskan hati pada rakyat dan juga kepada Kerajaan kita. Jadi, dalam fikiran saya patutlah pegawai ini dipelihara dengan baik dan diberi keistimewaan supaya dapat menjalankan tugas mereka dengan memuaskan. Satu badan yang mana telah dicadangkan tadi oleh rakan saya seorang Ahli Yang Berhormat iaitu patut diadakan untuk mengawasi supaya rancangan ini dapat dilaksanakan dan dapat dibahagi-bahagikan dengan adil dan teliti kepada rakyat semuanya, maka tentulah pilih kasih tidak akan berlaku. Ini sangat penting, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana pada Rancangan Malaysia Ketiga (R.M.T.) ini nampaknya memuaskan, banyak wang yang kita akan terima, tetapi saya harap apa yang telah dicatit di buku ini akan dapat diberi kepada negeri Sabah supaya dapat melaksanakan rancangan-rancangan yang gagal yang jauh ketinggalan di kampung-kampung iaitu di tempat-tempat yang jauh di luar bandar. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi yang datang dari Sabah menyatakan jaraya (jalan raya) adalah sangat penting iaitu feeder road. Sebagaimana kita ketahui iaitu di negeri-negeri lain seperti di Sarawak dan sebagainya telah dibagi iaitu wang peruntukan oleh Kerajaan. Saya berharap di negeri Sabah juga akan dapat peruntukan dan menerima layanan yang sama, kerana kalau kita lihat dan banding jaraya-jaraya yang ada di Sabah itu memanglah tidak memuaskan sungguhpun ada jaraya iaitu jaraya daripada Kota Kinabalu terus menerus ke Sandakan (trunk-road) tetapi belum lagi dapat ditarkan. Apa lagi jaraya yang masuk ke kampung yang kita perlukan oleh sebab banyak kawasan-kawasan tanah yang patut dimajukan, kalau dapat jaraya itu dibuat tentulah rakyat di luar bandar yang begitu lama telah menunggu-menunggu nasib hidup mereka itu dapat dipertingkatkan dan akan dapat menerima nasib yang sama seperti saudara-saudara kita dalam bandar. Dengan sebab itu, timbul salah faham dan perselisihan selama ini oleh sebab manakala

saudara-saudara kita yang di luar bandar turun ke bandar, mereka nampak di bandar-bandar itu terang-benderang mendapat keistimewaan yang lebih, maka timbullah salah faham pada rakyat yang di luar bandar. Jadi, itulah saya harap R.M.T. ini dapat diteruskan begitu baik dan dapat dinikmati untuk menguntungkan rakyat semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai kesihatan. Di dalam negeri Sabah itu penduduknya lebih kurang 700,000 sahaja, sangat kecil kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain tetapi oleh sebab negeri Sabah sudah jauh ketinggalan. Tuan Yang di-Pertua, patutlah doktor-doktor ditambah dan dihantar lagi ke Sabah; doktor-doktor yang terpelajar dan lebih mahir, bukan yang baru sahaja keluar dari universiti terus di hantar masuk ke kampung-kampung. Doktor-doktor yang mahir diperlukan kerana di kampung-kampung itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat masih banyak dan jauh ketinggalan atas kesihatan mereka itu belum dapat diberi begitu baik. Sekarang misalnya satu daerah cuma ada mengandungi rakyat lebih kurang 40,000 penduduk cuma dapat seorang doktor sahaja. Doktor ini pun kalau dipandang belum mempunyai kebolehan yang cukup, dia baru keluar dari universiti dan dapat ijazah doktor dan dihantar ke dalam hutan. Jadi, tentulah kebolehannya tidak mencukupi. Jadi, itulah kita harap di daerah-daerah itu supaya dapat doktor-doktor yang berkebolehan dan doktor yang telah mendapat ijazah supaya bertugas bersama. Dengan itu, rakyat dapat menerima rawatan yang lebih memuaskan. Selain dari itu, kelinik juga sangat penting di daerah-daerah dan kampung-kampung yang jauh patutlah diadakan dresser dan jururawat duduk di situ supaya dapat mengawasi kampung-kampung itu oleh sebab jaraya tidak ada, cuma berjalan kaki di dalam kawasan hutan. Ini sangat perlu, Tuan Yang di-Pertua, supaya dapat diberi layanan yang memuaskan pada rakyat itu supaya dapat dibaiki kesihatan mereka. Oleh itu, apa yang saya harap Kerajaan ataupun dalam R.T.M. ini supaya dapat mengambil perhatian yang besar atas perkara ini.

Menyentuh atas pelajaran bagi sekolah, Tuan Yang di-Pertua, di Sabah baru tadi juga disebutkan, kami dalam pelajaran memang sangat jauh ketinggalan kalau di-

bandingkan, tetapi oleh sebab kejujuran yang kami gunakan maka kami tetap bekerjasama memperjuangkan dalam negeri kita ini iaitu dalam negara Malaysia ini supaya dapat meninggikan lagi taraf hidup dan pelajaran bagi anak-anak kami yang sudah jauh ketinggalan di Sabah.

Guru-gurunya kalau kita pandang cuma terlatih setakat Darjah VI dahulu dan mengajar kadang-kadang penuntut Form III tentulah payah. Tetapi kalau dibuang guru-guru yang beribu-ribu di Sabah itu sangatlah susah. Itu memang banyak kerumitan kita akan hadapi tetapi apa yang baik yang saya cadangkan, supaya dapat menambah lagi guru-guru yang terpelajar yang datang dari Semenanjung Malaysia ini ataupun daripada luar negeri yang mengajar bahasa kebangsaan ini iaitu guru daripada Indonesia sekiranya di Semenanjung tidak mencukupi patutlah dihantar ke Sabah supaya dapat menerima pelajaran yang lebih mutunya daripada pelajaran yang ada sekarang. Ini patutlah dihantar oleh sebab sekolah Inggeris juga sudah tidak ada, cuma English subject sahaja yang diajarkan di dalam sekolah-sekolah sekarang ini. Ini juga satu kerumitan bagi kami di Sabah. Bahasa Kebangsaan kita tidak nafikan, memang kita megah, itulah identity kita, tetapi bahasa Inggeris itu kalau difikirkan patutlah sebuah sekolah yang beraliran Inggeris itu dapat ditubuhkan juga di Sabah untuk membolehkan anak-anak kita yang tidak dapat melanjutkan pelajaran bahasa Inggeris ke luar negeri itu dapat mempelajari bahasa ini daripada aliran rendah ke atasan, sesiapa yang berkebolehan. Tetapi anak-anak kita yang belajar dalam aliran Bahasa Kebangsaan ini meneruskan pelajaran supaya dapat belajar ke Semenanjung iaitu di Universiti Kebangsaan dan sebagainya. Ini sangat perlu. Oleh sebab pelajaran di Sabah sangat rendah maka sepatutnya diberi peluang supaya dapat mempelajari bahasa-bahasa ini mengikut keadaan zaman sekarang iaitu di zaman moden. Oleh sebab apa yang terdapat di dalam Dewan ini kalau kita fikir bahasa Inggeris itu memanglah juga satu bahasa perpaduan di antarabangsa, bahasa penghantar sedangkan di Dewan ini ada orang kita sendiri yang pandai berbahasa dalam Bahasa Kebangsaan ini juga menggunakan bahasa Inggeris pula. Mengapakah ditinggalkan Bahasa Kebangsaan sekiranya mereka boleh berbahasa Kebangsaan. Tidak payah tunjukkan bahasa

Inggeris ini di dalam Dewan ini. Kalau tidak pandai dan mahir di dalam Bahasa Kebangsaan ini, saya fikir, itu kita tidak boleh nafikan, tetapi kalau bahasa sendiri, mengapa ditunjukkan di dalam Dewan ini yang dia tidak pandai berbahasa kebangsaan, maka dia gunakan bahasa Inggeris lebih pandai supaya sedap didengar. Ini tidak menguntungkan kepada kita untuk dijelaskan dan memajukan Bahasa Kebangsaan kita ini.

Kadang-kadang kita sama kita berbahasa Inggeris. Ini saya rasa sangat sakit, oleh sebab identity kita ialah Bahasa Kebangsaan iaitu menunjukkan bahasa kita, tetapi kalau kita berbahasa Inggeris sendiri bukannya bercakap dengan itek dan ayam. Sendiri sama sendiri, itek sama itek, ayam sama ayam. Jadi lebih berfaedah lagi pada pendapat saya. Kalau Bahasa Kebangsaan ini tidak dapat kita teruskan bagaimana kita dapat menyatupadukan anak-anak kita yang berbilang kaum ini? Tentu payah, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab kami di Sabah ada 20 lebih bangsa bumiputra. Saya dikenali sebagai orang Bajau. Bahasa saya lain, dan bangsa Kadazan suku kaumnya ada 20 lebih. Kalau tidak mengamalkan Bahasa Kebangsaan ini, tentu nasi jadi bubur, bercakap seperti itek, ayam dan kambing di Sabah. Kami mengalu-alukan Bahasa Kebangsaan ini dapat diteruskan. Cuma tadi yang saya kata bukan saya mengalu-alukan bahasa Inggeris ini diteruskan sebagai Bahasa Kebangsaan, tetapi hanya untuk pengetahuan anak-anak kita kerana ini adalah sangat penting manakala kita berada di luar negeri. Ini sangat perlu bila kita hantar anak-anak kita keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran, siapa yang berkemampuan. Kalau tidak mempunyai bahasa Inggeris dan seterusnya, tentu tidak dapat, cuma berdiam di kandang ayam sahaja. Inilah selama-lamanya di hujung-hujung bila ke luar negeri tidak tahu dalam bahasa Inggeris. Tetapi di dalam Dewan yang mulia ini, saya mintalah supaya saudara-saudara yang sama menggunakan Bahasa Kebangsaan ini dapat diteruskan dalam Dewan yang mulia ini. Kalau ada orang putih yang datang di dalam Dewan ini, biar mereka mendengarnya. Itulah kemegahan kita. Saya pernah pergi ke Thailand dan percakapan mereka menggunakan bahasa Thai sahaja, cakap "baht - baht" sahaja. Itu bahasanya, tetapi mereka gunakan bahasanya sendiri. Kalau di luar mereka gunakan bahasa Inggeris tetapi ada transla-

tion. Jadi saya fikir saya megah dengan bahasa ini, walaupun saya orang Bajau, tetapi saya sayang kepada Bahasa Kebangsaan, bahasa Melayu ini adalah bahasa saya walaupun saya cakap bahasa Bajau di rumah (*Tepuk*). Jadi bahasa inilah yang saya fikir bahasa perpaduan di antara kaum kita iaitu bangsa Malaysia ini.

Saya suka sentuh mengenai perniagaan bumiputra. Sekarang Kerajaan memberi pinjaman sebanyak \$30,000 melalui C.G.C. dengan tidak ada cagaran, bumiputra pun pergi, yang buta huruf pun pergi, menunggu-nunggu macam bodoh di bank-bank untuk mendapatkan pinjaman itu. Rakyat tidak dapat menerimanya, tinggal marah sahaja. Kalau tidak dapat diberi layanan yang betul kepada bumiputra, janganlah sebut kepada bumiputra sahaja. Lebih baiklah layanan yang \$30 ribu ini diberi kepada bumiputra yang betul-betul berkemampuan berniaga, berhati-hati. Ada yang menerima pinjaman ini terus sahaja ke kedai kopi dan beli benda-benda yang lain. Keadaan begini tidak boleh memajukan bumiputra bahkan akan hanyut ke laut. Kadang-kadang pinjaman diterima hari ini, esok lain pula, minta pula faedah (interest), selepas itu minta instalmentnya. Bagaimanalah bumiputra boleh maju dengan \$30 ribu sahaja, habis membayar bunga dan balik ke installment. Akhirnya seluar baju dijual untuk membayar balik kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan betul-betul hendak meninggikan taraf hidup bumiputra yang kecil-kecil dalam perniagaan ini, yang \$30 ribu ini, berilah betul-betul pinjaman ini dan berilah tempoh yang tertentu dan berilah faedah yang tidak begitu tinggi, mengikut tempoh perniagaan. Kalau perniagaan memelihara ternakan misalnya tidak boleh dibayar dalam masa dua bulan. Kalau ada lembu atau kambing dijualnya balik, Kalaulah Kerajaan beri tempoh setahun atau dua tahun misalnya, mengikut perjanjian itu, baru dikembalikan dengan bunga yang rendah, barangkali bumiputra ini boleh hidup. Kalau tidak, hidup segan mati tidak mahu. Akhirnya perniagaan tidak berjaya, dijual untuk membayar pinjaman sahaja. Wangnya dimasukkan ke dalam poket. joli pula, bawa ke mana-mana untuk enjoy tetapi tidak menjadi perniagaan. Jadi dengan itu kalau kita dengar bumiputra menerima \$30 ribu tetapi pahit sangat untuk

menerimanya, kadang-kadang menunggu berbulan-bulan di bank-bank, kadang-kadang kena marah pula.

Jadi kalau begitu bumiputra ini tidaklah dapat menerima apa yang telah diberi oleh Kerajaan dengan sebenarnya, kalau membantu dengan sebaik-baiknya kepada bumiputra supaya mendapat pinjaman dan juga supaya dapat membayar balik modal-modal itu dengan mengambil masa sehingga mereka mendapat keuntungan baru dapat mengembalikannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdoa siang dan malam, pagi dan petang supaya buku hijau, mengikut isi kandungannya dapat dijalankan dengan licin, supaya dapat betul dilaksanakan dan supaya dapat rakyat menerimanya, rakyat yang di luar bandar yang tertunggu-tunggu atas cita-cita ini. Kalau disebut-sebut manis sahaja, lima tahun nanti tibalah pilihanraya yang akan datang, terpaksa pula kita mencari rakyat. Jadi dengan itu saya mintalah supaya betul-betul diteruskan dengan licin supaya rakyat dapat menerima rancangan buku hijau ini. Jangan pula dalam buku hijau ini ada kita terdengar seperti di Sabah mengadakan rancangan buku merah pula. Jadi kalau hijau di sini, hijau pula di Sabah, apa yang saya harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja yang saya dapat cadangkan. Dengan itu, saya menyokong dengan sepenuhnya Rancangan Malaysia Ketiga ini, mudah-mudahan dapat dijalankan dengan terusnya. Saya menyokong penuh.

5.50 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita beberapa hari yang lalu.

Memandangkan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah amat penting bagi pembangunan negara dan bangsa kita dan bolehlah saya katakan perbincangan ini adalah juga yang terpenting dan bersejarah dalam masa Parlimen Yang Keempat ini. Saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita meneliti daripada kulit ke kulit Buku Hijau yang telah disediakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita boleh mengambil kesimpulan bahawa salah satu daripada matlamat atau tujuan yang terpenting dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat. Dan sepertimana yang kita maklum dalam negara-negara yang baru membangun yang diwarisi dari sistem penjajah termasuklah negara kita ini secara kebetulan atau secara sepontan kemiskinan adalah terdapat di kalangan rakyat luar bandar, dan secara kebetulan juga rakyat luar bandar ini adalah terdiri dari orang-orang Melayu kaum bumiputra. Maka terang dan jelas kepada kita bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini akan memberikan satu peruntukan yang istimewa untuk membasmi kemiskinan orang-orang Melayu dan kaum bumiputra dan ini kita harap tidak bermakna pula kepentingan mereka yang bukan bumiputra diabaikan dan yang pentingnya kita harapkan mereka-mereka daripada kaum bukan bumiputra menyedari keadaan ini.

Apa yang saya harap di sini pihak mass media samada mass media pihak Kerajaan atau akhbar-akhbar supaya memberikan pandangan-pandangan yang sejelas-jelasnya dan mass media ini hendaklah seimbang supaya tidak menimbulkan salah faham yang mungkin boleh digunakan oleh pihak-pihak yang anti-national terutamanya dalam keadaan negara pada masa ini.

Kemiskinan yang terdapat di kalangan penduduk-penduduk negara ini sepertimana yang tercatat di dalam Buku Hijau bahawa perbandingan yang boleh kita petik daripada apa yang saya katakan tadi; kemiskinan di kalangan orang Melayu 74% daripada jumlah keluarga Melayu, dan perbandingan yang bukan Bumiputra, orang-orang China hanya terdapat 17% dan India hanya 8%.

Dari segi per capita pendapatan tiap-tiap bulan, dalam buku itu juga menunjukkan bahawa per capita pendapatan orang-orang Melayu hanya \$34 sebulan. Sedangkan orang-orang China \$68 dan orang India \$57. Apa yang saya tegaskan supaya mass media terutamanya radio dan talivisyen dan juga akhbar-akhbar supaya memberikan gambaran yang seimbang. Kerana selama ini selalu sangat publisiti diberi kepada projek-projek yang diberikan kepada bumiputra

walaupun setakat ini kita belum nampak lagi kejayaan-kejayaan yang sepenuh-penuhnya. Misalnya, kalau ada Rancangan-rancangan Buku Hijau menolong orang bumiputra di kampung-kampung; digambarkan dengan sebesar-besarnya. Demikian juga subsidi yang diberikan kepada nelayan-nelayan Melayu dan lain-lain lagi. Seolah-olah pembangunan-pembangunan negara ini tidak ada kepada orang yang bukan bumiputra, sebaliknya kalau kita tinjau pula, sebenarnya secara tidak langsung mereka yang bukan dari kaum bumiputra juga mendapat keuntungan, bahkan lebih daripada orang-orang bumiputra. Misalnya, mereka yang bekerja kepada pemborong-pemborong yang mendapat pekerjaan daripada rancangan pembangunan Kerajaan, mendapat pendapatan mungkin \$15 atau \$20 sehari. Sedangkan kaum bumiputra yang mendapat publisiti tadi kadang-kadang sebulan tidak sampai \$50 atau \$60. Saya beri satu contoh lagi, misalnya, Rancangan FELDA. Kita sedar sebahagian besar daripada Rancangan itu diberi kepada orang Melayu, orang bumiputra, tetapi patut juga kita mengetahui secara tidak langsung daripada rancangan FELDA itu orang yang bukan bumiputra juga mendapat keuntungan yang lebih. Misalnya, kerja-kerja menebas, menebang, membuat jalan dan sebagainya adalah dijalankan oleh pihak-pihak yang bukan bumiputra yang menggunakan pekerja daripada kaum bukan bumiputra. Dan kalau rancangan itu telah memberikan hasil dan sebagainya mereka pula datang menghantar perabot-perabot, radio, talivisyen, motosikal dan sebagainya. Ini menunjukkan mereka mendapat kekayaan dan keuntungan daripada rancangan Kerajaan tersebut secara tidak langsung. Apa yang kita kehendaki supaya penerangan mass media atau sebaran am diberikan secara seimbang.

Dalam perkara ini jelas kepada kita peranan radio dan talivisyen untuk rakyat, terutama sekali radio. Memandangkan bahawa radio adalah sebagai mass media yang terpenting yang dapat digunakan untuk memberikan pandangan pembangunan dan sebagainya kepada rakyat, terutamanya rakyat miskin di luar bandar seperti petani-petani dan nelayan-nelayan. Mereka tidak mampu hendak membeli surat khabar dan mungkin kalau mampu pun mereka tidak ada peluang atau tidak ada masa hendak membaca surat khabar. Apa lagi kalau mereka jauh di tengah-tengah laut dan se-

bagainya. Oleh yang demikian, memandangkan kemiskinan mereka saya mencadangkan supaya lesen radio dikecualikan kepada penduduk-penduduk luar bandar. Kerana kalau kita tinjau dari segi program radio, tiap-tiap hari sebahagian kecil sahaja mengandungi hiburan dan yang lain adalah mengandungi warta berita, siaran pembangunan, dakwah dan sebagainya yang menjadi satu kewajipan Kerajaan untuk rakyat terutama sekali rakyat di luar bandar, sebagaimana yang saya katakan tadi. Bagi menggantikan kekosongan pendapatan hasil daripada lesen radio tadi kita boleh lebihkan dalam siaran perdagangan (commercial) dan sebagainya ataupun kita tambahkan sedikit bayaran lesen talivisyen yang mampu dibayar oleh orang-orang yang berada sahaja. Dengan cara ini kita dapat memberi satu kelonggaran kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Jabatan Penerangan ada mengeluarkan pamphlet-pamphlet, buku-buku dan sebagainya untuk penerangan secara percuma kepada rakyat. Tetapi saya percaya tidak seberapa yang sampai kepada rakyat di luar bandar, terutamanya petani-petani dan nelayan-nelayan. Radio transistor murah harganya dan mampu dibeli oleh rakyat di luar bandar. Tetapi masalah membayar lesen radio ini kita maklum, dan dari masa ke semasa pegawai-pegawai yang berkenaan mengejar mereka terutamanya penduduk-penduduk di luar bandar samada mereka mempunyai lesen radio atau tidak. Saya berharap kepada Kerajaan terutamanya kepada Kementerian yang berkenaan dapatlah kiranya mengambil perhatian atau dapat menimbangkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai dengan pelaksanaan rancangan pembangunan negara kita yang telah dijalankan semenjak kita mencapai kemerdekaan terutamanya setelah kita dapat menghapuskan Undang-undang Dharurat dalam tahun 1960, kita telah banyak pengalaman dari segi pembangunan termasuklah dalam Rancangan Malaysia Kedua. Sekarang kita di ambang pintu Rancangan Malaysia Ketiga maka perlulah kita meninjau kembali jentera pelaksanaan untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Walaupun kita akui bahawa di peringkat nasional, di peringkat negeri kita telah susun dengan rapi tetapi pada peringkat daerah yang saya rasa

adalah bahagian yang terpenting melaksanakan rancangan-rancangan ini, patut kita meninjau kembali. Seperti yang kita maklum di peringkat daerah, Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Jawatankuasa Tindakan yang mengambil bahagian penting dalam menjayakan Rancangan Pembangunan kita. Kita maklum Pegawai Daerah sebagai pegawai yang menadbirkan daerah tentulah mereka mempunyai masa yang terhad. Maka saya suka mencadangkan kalau di peringkat negeri ada Pegawai Pembangunan Negeri (State Development Officer) maka patutlah di tiap-tiap daerah pegawai seperti ini diadakan dengan diberikan kursus-kursus yang tertentu yang boleh bertindak sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa Pembangunan Daerah di samping Pegawai Daerah sebagai Pengerusi. Begitu juga di peringkat daerah pada masa-masa yang lalu kita dapati sebagaimana juga di peringkat nasional dan di peringkat negeri, bilik gerakan. Tetapi bilik gerakan itu saya dapati hanya digunakan pada masa-masa yang tertentu terutama sekiranya ada lawatan Menteri-menteri dan sebagainya. Saya mencadangkan sepatutnya bilik gerakan ini kita bukakan seluas-luasnya kepada rakyat terutama pemimpin-pemimpin rakyat supaya dapat mereka mengetahui sejauh mana kejayaan-kejayaan yang telah dijalankan, yang sedang dijalankan dan akan dijalankan, dengan sendirinya kita harapkan penyertaan rakyat akan lebihkan lagi dalam Rancangan Pembangunan ini.

Begini juga pada peringkat mukim dan peringkat kampung. Walaupun perlantikan Ketua Kampung dan juga Penghulu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi oleh kerana peranan mereka dalam pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat, saya rasa patut juga kita mengambil perhatian dalam perkara ini.

Saya suka lah menyentuh dahulu mengenai dengan Ketua-ketua Kampung yang bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung di tiap-tiap kampung. Walaupun seperti saya katakan tadi Ketua Kampung ini di bawah Kerajaan Negeri tetapi kerana peranannya dalam bahagian pembangunan patutlah kita mengambil perhatian dalam perkara ini. Jadi, perkara yang saya hendak timbulkan walaupun tugas mereka sama sebagai Ketua Kampung, Pengerusi Jawatankuasa Kampung, Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kampung tetapi

kita dapati keadaan yang berbeza-beza di antara satu negeri dengan satu negeri. Saya rasa sudah sampailah masanya Kerajaan Persekutuan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menengokkan perkara ini. Kalau dapat kita menyelaraskan tugas mereka, elaun yang mereka terima dan sebagainya, tidaklah nanti kalau seorang Ketua Kampung di negeri Kedah datang ke Johor bertanya: berapa elaun saudara, dia kata sekian-sekian, negeri Kedah sekain-sekian, demikian juga negeri-negeri lain. Sekiranya Kerajaan Negeri yang tertentu tidak ada peruntukan yang cukup saya mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan dapat memberikan peruntukan kepada negeri yang tersebut supaya dapat menyamakan elaun tahunan dan lain-lain yang bersangkutan dengan Ketua Kampung.

Penghulu yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan di peringkat mukim, ini juga kita dapati perbezaan antara satu negeri dengan satu negeri. Saya akui seperti kata saya tadi, ini juga di bawah Kerajaan Negeri tetapi oleh kerana penglibatan penghulu-penghulu dalam bahagian pembangunan ini maka patutlah juga Kerajaan Persekutuan mengambil perhatian dalam perkara ini untuk hendak menyelaraskannya di seluruh negara. Saya percaya dengan keadaan demikian kita akan dapat melicinkan lagi perjalanan pembangunan kita di tiap-tiap peringkat dari peringkat yang serendah-rendahnya sehingga ke peringkat nasional yang menadbirkan pembangunan seperti mana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Rancangan Ekonomi Baru yang menjadi salah satu daripada matlamat penting dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Ini juga saya rasa perlu kita tinjau kembali langkah-langkah yang telah kita jalankan. Kita akui dan kita sedar bahawa Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang begitu besar dan menggunakan masa yang begitu banyak untuk merangka dalam usaha hendak menjayakan Rancangan Ekonomi Baru, terutamanya dalam usaha mengseimbangkan pendapatan, taraf ekonomi di antara penduduk-penduduk. Tetapi apa yang menjadi kebiasaan pada masa-masa yang lalu setengah-setengah jabatan yang berkenaan hanya membahagikan peruntukan-peruntukan, peminjam-peminjam dan sebagainya tetapi kurang dari segi mengawasi tentang bagaimana cara hendak menjayakan

biasa seperti yang saya katakan tadi saya harap supaya jalan itu dapat dibina dengan kelebaran yang cukup dan kalau boleh di kiri-kanan jalan itu janganlah didirikan tiang-tiang talipun ataupun tiang-tiang letrik, kerana kita harapkan pada waktu-waktu kecemasan supaya jalanraya ini boleh digunakan untuk pendaratan kapalterbang-kapalterbang kita samada hendak menentang ancaman penjahat-penjahat komunis ataupun lain-lain lagi. Dengan ini kita dapat menggunakan jalan itu untuk perkara yang saya katakan tadi. Demikian juga kalau Kerajaan kita bercadang akan membina jalan-jalan seperti ini di perbatasan antara negara ktia dengan negara Indonesia, iaitu Negeri Sabah dan Sarawak. Saya rasa cara ini boleh kita buat, kerana kita bersedia kemungkinan keadaan peperangan dan sebagainya pada masa akan datang tidak dapat hendak kita nafikan, tetapi kalau keadaan jalan seperti yang ada sekarang, di kiri-kanan jalan yang penuh dengan tiang-tiang talipon, dengan rumah-rumah yang tidak tersusun, sudah tentu tidak boleh digunakan untuk perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tinggal satu minit lagi, saya suka hendak menyebut mengenai dengan pencemaran alam, iaitu mengenai dengan air.

Sejak akhir-akhir ini di merata-rata tempat dalam negara kita ini kekurangan air dan baru-baru ini di kolam penapis air di Gunung Ledang pun kekeringan air, kononnya Puteri Gunung Ledang itu marah, saya tidak tahu samada benar atau tidak, tetapi mungkin perkara ini ada bersangkut-paut dengan pembangunan yang berjalan dalam negara kita ini, oleh kerana air ini satu perkara yang paling mustahak saya harap supaya pihak yang berkenaan menarik perhatian dalam perkara ini terutamanya selepas kemarau panjang penduduk-penduduk di luar bandar yang tidak dapat paip air dan sebagainya kolam dan perigi menjadi kelat, masam, tidak boleh digunakan sehinggakan hendak membasuh pun tidak boleh digunakan dengan air yang tersebut. Saya harap Kementerian yang berkenaan dapat menengokkan perkara ini supaya dapat mengurangkan lagi penderitaan rakyat. Di kawasan saya sekarang walaupun sudah

empat bulan selepas kemarau panjang tin-tin kosong, tempayan-tempayan masih banyak lagi di tepi-tepi jalan terutama jalan antara Muar dengan Batu Pahat kerana air yang membekalkan kolam penapis air di Parit Sulong masam. Sepatutnya pihak-pihak yang berkenaan tidaklah membiarkan perkara itu berlarut-larutan yang menunjukkan bahawa kelemahan dari segi bekalan air di negara kita ini sedangkan kita dikelilingi oleh air.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah dahulu dan sebagaimana yang saya katakan tadi saya menyokong sepenuhnya Rancangan Malaysia Ketiga dan kita harapkan akan membawa kebahagiaan, kesentosaan, kemakmuran, bukan sahaja kepada kita bahkan kepada anak-cucu kita pada masa akan datang dalam pembentukan satu masyarakat Malaysia yang adil, mewah, makmur dan sentosa.

6.18 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin sekali menyatakan rasa keciwa dan tidak puas hati atas cara Kerajaan Barisan Nasional mengemukakan Rancangan Malaysia Ketiga ini bagi perbahasan di Dewan ini. Saya langsung tidak faham bahawa apakah sebabnya Kerajaan Barisan Nasional menganggap rancangan ini sebagai dokumen yang perlu dirahsiakan sebegitu rupanya, iaitu rancangan ini hanya dibentangkan dalam Dewan ini bagi perbahasan, tetapi sebelum daripada itu Ahli-ahli Dewan ini langsung tidak diberikan masa yang mencukupi untuk mengkaji, meneliti dan kemudian membahaskannya dengan lebih mendalam dan menyeluruh.

Sebenarnya, rancangan yang mustahak untuk masa depan pembangunan negara kita dalam tempoh lima tahun ini patutlah perlu dihantar kepada setiap Ahli Dewan ini satu bulan terlebih dahulu sebelum persidangan hari ini dipanggil supaya mereka dapat mempunyai masa yang mencukupi untuk meneliti dokumen yang sebegitu tebal ini dan kemudiannya diutarakan rancangan-rancangan dan teguran-teguran yang membangun pada rancangan lima tahun ini. Dan juga Kerajaan adalah perlu mengumumkan rancangan ini kepada pengetahuan orang ramai supaya mereka pun dapat menyertai untuk memberikan idea-idea dan pendapatnya terhadap sebuah rancangan yang akan mempengaruhi

masa depan yang kehidupan sosial ekonominya dalam masa lima tahun yang akan datang ini. Cara Kerajaan Barisan Nasional mengemukakan Rancangan Malaysia Ketiga ini sebenarnya adalah merupakan satu cara yang typical tidak demokratik yang diamalkan olehnya selama ini. Itulah sebabnya saya berfikir bahawa salah satu langkah yang mustahak dalam pelaksanaan rancangan ini ialah demokrasi yang bererti sebenarnya adalah perlu dipulihkan di negara ini. Saya yakin bahawa di antara Ahli-ahli Yang Berhormat dan pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional tentu akan menyokong dan berkata bahawa jika sekiranya ketiadaan demokrasi di negara ini bagaimana Parti Pembangkang dapat diadakan dan diberi peluang untuk bercakap di Dewan ini. Teguran ini menurut kaca mata D.A.P. adalah merupakan satu lagu dan muzik lama yang selalu dipermain-permainkan oleh penegur ini. Jika sekiranya ini adalah pengertian demokrasi sebenarnya yang dimaksudkan saya fikir bahawa kata dictator dan authoritarian dalam kamus ini bolehlah digugurkan sama sekali. Diketahui bahawa bercakap dalam Dewan ini hanya merupakan salah satu proses demokrasi sahaja. Pada hakikatnya demokrasi di Malaysia hari ini hanyalah tertinggal bahagian ini sahaja, tetapi masih diberikan berbagai bentuk pembatasan dan diperketatkan. Umpamanya, soal sensitif tidak boleh diperbahaskan maka hak kebebasan Ahli Dewan ini pun dirampas. Ini adalah demokrasi yang sebenarnya dalam kaca mata Barisan Nasional dan dari kamus Kerajaan Barisan Nasional sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, D.A.P. adalah sangat memahami bahawa mengapa Kerajaan Barisan Nasional mahu mengamalkan sistem demokrasi serupa ini. Tidak lain tidak bukan adalah untuk melayani Parti Pembangkang yang bertulang belakang dan berdiri tegas pada pendirian dan dasar perjuangannya. Selepas tahun 1969 soal-soal kerakyatan dan bahasa tidak boleh disentuh kerana sensitif. Tahun 1974 rapat umum dihalang dan surat-surat khabar diberi amaran tidak boleh menyiarkan berita-berita mengenai bahasa dan pelajaran China. Memang Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya untuk berbuat demikian, tetapi saya yakin ke semua tindakan dan langkah menindas dan menekan ini telah gagal untuk mengatasi masalah-masalah yang se-

benarnya dihadapi oleh Malaysia hari ini. Tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional dapat menggunakan I.S.A. untuk membicarakan pemimpin-pemimpin D.A.P. atau dihadapkan ke mahkamah di bawah Akta Hasutan dan menghalang D.A.P. mengadakan rapat umum untuk menerangkan kepada rakyat tentang masalah yang dialami oleh negara kita dan mencegah surat-khabar-surat-khabar untuk menyuaran suara ketidak-puasan terhadap Kerajaan Barisan Nasional, tetapi bolehkah Chin Peng dan Rashid Mydin ditangkap di bawah Akta Hasutan atau melarang siaran radio rahsia dari M.C.P. Akibatnya rakyat kehilangan kepercayaan terhadap Kerajaan dan kegiatan-kegiatan M.C.P. diperhebatkan baik di hutan dan di bandar. Sungguhpun suara D.A.P. dikurangkan dan dilemahkan samada di surat-khabar atau di Dewan tetapi suara tembak-menembak dan rebutan M.C.P. kian lantang di tengah hutan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mengecewakan Kerajaan Barisan Nasional ialah sungguhpun ia telah mengamalkan berbagai taktik untuk menindas D.A.P., tetapi dalam pilihanraya tahun 1974 D.A.P. masih disokong kuat oleh rakyat dengan kemenangan 9 kerusi M.P. dan 23 kerusi State Assemblymen. Ini membuktikan bahawa dalam suatu keadaan pilihanraya yang tidak begitu menguntungkan D.A.P. ini kedudukan D.A.P. masih tegas dan kuat. Walau bagaimanapun, D.A.P. akan meneruskan perjuangannya terutamanya ditujukan untuk menentang segala dasar yang tidak adil dan saksama yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan menentang segera perjuangan kekerasan

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Chian Heng Kai: Ya.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat boleh sambung lagi pada hari Isnin.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

KEWARGANEGARAAN— KELAMBATAN MEMPROSES PEMOHON-PEMOHON

6.27 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu samada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa kelambatan dalam memproses permohonan-permohonan kerakyatan dan kelambatan memberikan keputusan ke atas permohonan-permohonan khususnya permintaan di bawah Fasal 15 (2), 15 (a), 16 (a) dan 19 itu adalah menjadi satu perkara yang membawa ketidak puasan hati kepada sebilangan besar penduduk-penduduk negara ini terhadap Kerajaan.

Adalah didakwa bahawa pada masa ini tidak kurang daripada 10,000 permohonan kerakyatan masih belum dibereskan dan angka ini termasuk beberapa permohonan yang telah dikemukakan sejak lima hingga tujuh tahun yang lalu. Adalah tidak dapat dinafikan hakikat-hakikat yang berikut:

- (i) Kebanyakan daripada pemohon-pemohon itu hanya layak memohon untuk menjadi rakyat dan bukan berhak menjadi rakyat.
- (ii) Penyiasatan ke atas sesuatu permohonan harus mengambil masa kerana latar belakang si pemohon mestilah disiasat dengan teliti dan permohonannya ditapis dengan rapinya supaya orang-orang yang tidak diingini tidak diberikan kerakyatan.
- (iii) Undang-undang tidak menetapkan masa bagi seseorang pemohon diberitahu akan keputusan mengenai permohonannya.

Namun begitu, kelambatan yang terlampau untuk memproses permintaan kerakyatan akan membawa kesulitan-kesulitan dan kesukaran-kesukaran kepada pemohon-pemohon itu kerana:

- (i) Pada masa Permohonan mereka di dalam pertimbangan dokumen-dokumen penting mereka seperti surat beranak, paspot dan surat-surat perjalanan ada disimpan oleh Pejabat Pendaftaran. Penyimpanan dokumen-dokumen itu bagi tempoh yang lama

boleh menjadi halangan bagi pemohon-pemohon menguruskan lain-lain perkara peribadinya.

- (ii) Kebanyakan daripada permohonan-permohonan itu adalah orang-orang yang tidak dapat pekerjaan dan kelambatan itu akan melanjutkan tempoh pengangguran mereka dan seterusnya membawa kekeciwaan kepada mereka. Dan dengan itu akan mungkin menjauhkan Kerajaan daripada kesetiaan beberapa orang bakal warganegara yang baik dan berguna dan dengan itu menentang akan dasar Kerajaan bagi menawan hati dan perasaan penduduk-penduduk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya menyiasat di dalam kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pemohon sijil kewarganegaraan dan atas hal keperimanan menimbangkan untuk mempercepatkan proses menyemak semula permohonan sijil kerakyatan. Terima kasih.

6.31 ptg.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kami tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur yang menuduh bahawa Kementerian ini mengambil masa yang panjang untuk memproses permohonan-permohonan bagi sijil kewarganegaraan khususnya bagi mereka yang meminta di bawah Akta 19 Perlembagaan.

Ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa keputusan mengambil seseorang untuk menjadi warganegara bukanlah boleh diabaikan kerana kita terpaksa seperti beliau katakan tadi memperhatikan dengan teliti sesuatu permohonan itu untuk menentukan bahawa seseorang yang layak menjadi warganegara benar-benar berfaedah kepada negara kita. Pemberian sijil warganegara tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya seperti kata orang macam membeli ikan kering atau kacang puteh sahaja, tetapi hendaklah diberi khas kepada mereka yang hanya benar-benar layak dan menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara kita. Sebenarnya, Jabatan yang berkenaan telahpun pada masa ini atau pada masa yang lampau dapat memproses lebih kurang 80% daripada jumlah permohonan-permohonan yang dibuat di antara tahun 1964 hingga kepada 25-6-76 ini. Ini

adalah menunjukkan bahawa Jabatan tersebut telah dapat mencapai kejayaannya yang lebih baik daripada apa yang dijangkakan. Boleh jadi Yang Berhormat itu hanya mendengar rungutan-rungutan daripada mereka yang jatuh di bawah golongan 15 yang baki itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesuatu permohonan itu biasanya didaftarkan di pejabat-pejabat pendaftaran di daerah dahulu. Di peringkat ini permohonan-permohonan dipanggil untuk diduga kebolehan mereka dalam Bahasa Malaysia. Sering kali mereka ini tidak hadir pada masa yang ditetapkan dan terpaksa pula ditangguhkan kepada hari yang lain. Setelah selesai tindakan di peringkat daerah permohonan-permohonan dipanjangkan pula ke Ibu Pejabat Pendaftaran untuk memproses tiap-tiap satu permohonan dengan lebih teliti lagi. Tindakan memproses permohonan ini adalah menimbulkan banyak masalah yang kadangkala membawa kepada correspondence di antara pejabat dan permohonan yang berpanjangan kerana Ibu Pejabat kadang-kadang meminta maklumat-maklumat tambahan daripada permohonan-permohonan, kerap kali terjadi jawapan tidak diterima atau jawapan diterima setelah beberapa ulang alik dibuatkan correspondence. Atas tuduhan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa apa-apa jawapan tidak diberi, ini barangkali keterlaluan kerana dari mulanya seorang membuat permohonan dia diberi jawapan atas permohonannya itu yang menerangkan nombor pendaftaran permohonan mereka itu. Mereka yang menulis ke Pejabat Pendaftaran untuk mengetahui kedudukan sesuatu permohonan itu adalah juga diberi layanan.

Ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa tenaga kakitangan pejabat ini tidaklah seharusnya digunakan untuk mengeluarkan lapuran-lapuran dari satu-satu masa atas satu-satu permohonan. Saya sukalah menegaskan bahawa semenjak dikuatkuasakan Peraturan Pendaftaran Negara baru-baru ini yang mana di antara lain-lain me-

wajibkan setiap orang membawa kad pengenalan setiap masa dan menukarkan alamat jika mereka berhajat hendak tinggal di satu-satu tempat itu lebih daripada 60 hari maka beban kerja di Jabatan Pendaftaran Negara bertambah pula. Permohonan untuk menukar alamat sahaja yang diterima setakat ini hampir-hampir satu juta. Selain daripada permohonan ini Jabatan ini juga menghadapi kesulitan dengan bertambahnya kerja-kerja di bahagian-bahagian lain akibat pelaksanaan undang-undang yang saya sebutkan tadi.

Saya juga kurang faham dan tidak mengerti apakah maksud Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa mereka yang menunggu proses permohonan menghadapi kesulitan kerana Kerajaan Malaysia patut berterima kasih telah bermurah hati, kerana membenarkan mereka tinggal tetap di negara ini pada masa tersebut dan menikmati segala kemudahan-kemudahannya. Yang Berhormat itu tentulah bersetuju bahawa sekiranya mereka itu terpaksa menunggu sedikit masa, ini adalah lebih baik daripada Kerajaan terpaksa meluluskan permohonan-permohonan dengan tergesa-gesa dan membenarkan orang yang tidak layak menjadi warganegara diterima sewenang-wenangnya kerana perbuatan ini boleh menimbulkan keburukan kepada rakyat dan negara kita sendiri. Walau bagaimanapun, ingin saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu kita akan berusaha memberi layanan kepada permohonan-permohonan seberapa yang boleh kita mampu di Kementerian ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 26hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.37 petang.